



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Wilayah Sabah


P.173 Putatan

Laporan Disediakan Oleh: Mc Jeanet Lempisik @ Marx



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.173 Putatan

Disediakan oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx



KATA ALUAN I

KATA PENGANTAR III

PENGENALAN V

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 1 - 21

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 22 - 27

1.1 Geografi/Topografi 22

1.2 Komposisi Penduduk 23

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 24

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 25

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 28 - 31

2.1 Pendekatan Kajian 28

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 29

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 30

2.4 Keterbatasan Kajian 31

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 32 - 46

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 47 - 116

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 47

4.2 Pengutamaan Isu 95

**5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK
PENYELESAIAN** 117

6.0 RUJUKAN 120

P.173 PUTATAN

KATA ALUAN

YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BANDY

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;

Ahli Parlimen Kalabakan (P.191)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen – Wilayah Sabah 2025*. Usaha pemetaan ini bukan sekadar himpunan data; ia menzahirkan iltizam kita untuk benar-benar mendengar suara komuniti dari pesisir hingga pedalaman, dari bandar ke kampung dan menterjemahkannya menjadi tindakan.

Sabah memiliki kekuatan yang istimewa dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang harmoni, khazanah alam semula jadi yang luas, serta potensi ekonomi yang merentasi perikanan, pertanian, pelancongan, tenaga boleh baharu dan sumber semula jadi. Pada masa yang sama, kita berdepan pelbagai isu dan cabaran struktural yang memerlukan perhatian konsisten. Laporan ini mengangkat cabaran tersebut dengan telus, dan yang lebih penting, mengemukakannya sebagai agenda kerja yang boleh dilaksanakan.

Pendekatan libat urus komuniti yang digerakkan telah memperkukuhkan prinsip bahawa isu ditentukan oleh komuniti, keutamaan dipilih secara telus, dan cadangan diikat dengan peranan pelaksana yang jelas. Melalui kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), kita menempatkan realiti tempatan sebagai pandu arah yang meletakkan SDG sebagai kompas, bukan beban birokrasi. Peningkatan kualiti prasarana dan perhubungan yang menyokong ekonomi wilayah (SDG 9), pengukuhan kesejahteraan penempatan bandar dan luar bandar yang menambah daya tahan komuniti (SDG 11), pemerkasaan pekerjaan dan keusahawanan yang memanjangkan nilai dalam rantai ekonomi setempat (SDG 8), serta tadbir urus sumber air, pesisir dan hutan yang menjamin kesinambungan modal

semula jadi Sabah (SDG 13, 14 dan 15) dan semuanya digarap sebagai hala tuju yang praktikal.

Lebih daripada sebuah laporan, dokumen ini berfungsi sebagai kompas pelaksanaan: menetapkan sasaran hasil yang nyata, menyelaraskan peranan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bersama pihak berkuasa tempatan, memperincikan keperluan kapasiti agensi pelaksana, serta memperluas ruang penglibatan komuniti dan rakan masyarakat sivil dalam pemantauan. Kejayaan kita tidak akan diukur pada bilangan halaman, tetapi pada air paip yang mengalir ke rumah yang memerlukan, jalan penghubung yang siap dan selamat, lesen perniagaan yang diluluskan secara telus dan cepat, serta peluang ekonomi yang terhasil di kampung dan pekan.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada Sekretariat APPGM-SDG, para Pengarah, Ahli-ahli Parlimen di Sabah, kerajaan Wilayah dan Persekutuan serta agensi-agensinya, pihak berkuasa tempatan, rakan sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, serta seluruh komuniti yang menjadi nadi pemetaan ini. Semoga penerbitan ini menjadi asas yang kukuh untuk kita melangkah lebih jauh serta menjadikan Wilayah Sabah sebagai model pembangunan yang maju, makmur, dan mampan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN


MC JEANET LEMPISIK @ MARX

Pemangku Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1 : 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalan awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai

langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI WILAYAH SABAH

Wilayah Sabah yang terdiri daripada Parlimen Tuaran, Putatan, Semporna dan Labuan memperlihatkan kepelbagaian demografi, sosioekonomi dan geografi yang menggambarkan corak pembangunan tidak sekata antara Sabah dan Wilayah Persekutuan. Tuaran menonjol dengan komposisi masyarakat Kadazandusun dan Bajau serta kekuatan dalam pelancongan budaya dan agro, disokong oleh tanah subur dan pesisir pantai yang produktif untuk pertanian serta perikanan. Putatan, sebagai daerah pesisir berhampiran Kota Kinabalu, berkembang pesat dengan ciri separa bandar dan menjadi tumpuan perdagangan kecil serta perkhidmatan, meskipun terdedah kepada tekanan urbanisasi. Semporna, bermajoriti Bajau Laut dan Suluk, mempunyai keunikan tersendiri melalui tarikan maritim seperti Taman Marin Tun Sakaran dan Pulau Sipadan, namun terus berdepan cabaran kemiskinan, kekangan akses pendidikan dan isu dokumentasi penduduk. Labuan, sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat kewangan luar pesisir, menampilkan komuniti kosmopolitan dengan ekonomi teras dalam minyak dan gas, logistik, perdagangan serta pelancongan. Di sebalik kelebihan tersendiri, kawasan-kawasan ini berkongsi corak isu rentas komuniti yang melibatkan keterhadapan infrastruktur asas, ketidakseimbangan peluang ekonomi, cabaran penyertaan belia dan wanita dalam pasaran kerja, serta tekanan ekologi akibat pembangunan pesisir dan ekonomi berasaskan sumber.

Salah satu isu yang paling menonjol ialah pengurusan sisa pepejal, yang jelas berkait rapat dengan kedudukan geografi pesisir, pertumbuhan penduduk, serta aktiviti pelancongan dan ekonomi berintensifkan sumber. Di Tuaran, pertambahan hasil sisa berpunca daripada pembangunan pelancongan dan pertanian yang kurang disokong sistem pengasingan dan kitar semula. Putatan pula berdepan lambakan sampah akibat kepadatan penduduk dan pembangunan komersial yang pesat. Di Semporna, pencemaran pesisir dan laut menjejaskan ekosistem marin serta reputasi pelancongan, manakala Labuan bergelut dengan kapasiti tapak pelupusan yang terhad serta pencemaran plastik marin, walaupun statusnya sebagai pusat perdagangan dan pelancongan antarabangsa. Corak sepunya ini mencerminkan kelemahan infrastruktur pengurusan sisa yang tidak seiring dengan kadar penghasilan sampah, sekali gus meletakkan tekanan tambahan kepada komuniti pesisir dan pulau. Hal ini menuntut pendekatan rentas daerah untuk membina sistem pengurusan sisa yang lebih mampan, inovatif, dan inklusif.

Selain itu, isu kebajikan dan penuaan penduduk semakin signifikan merentasi keempat-empat kawasan. Peningkatan populasi warga emas tanpa sokongan komuniti dan fasiliti penjagaan yang mencukupi bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan golongan tersebut tetapi turut membebankan keluarga berpendapatan rendah. Dari segi ekonomi, keterbatasan penglibatan warga emas dalam pasaran kerja menyumbang kepada penurunan produktiviti, sementara kos penjagaan terus meningkat tanpa sistem sokongan sosial yang kukuh. Implikasi terhadap alam sekitar muncul apabila tenaga kerja muda yang semakin berkurangan tidak mampu menampung keperluan sektor asas seperti pertanian, perikanan, dan pengurusan sumber, sekali gus melemahkan daya tahan ekosistem. Dari perspektif tadbir urus, cabaran ini menuntut dasar lebih inklusif yang menekankan kebajikan, kesihatan, akses perkhidmatan, dan infrastruktur mesra warga emas. Oleh itu, intervensi jangka pendek dan sederhana perlu dipandu kepada pengukuhan pusat komuniti warga emas, penyediaan latihan penjaga (*caregiver*), skim sokongan keluarga, serta penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial dan ekonomi ringan, bagi memastikan golongan ini terus menyumbang secara bermakna kepada kesejahteraan dan ketahanan komuniti.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsulhakar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran	Raine Melissa Riman

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
						Kuching Selatan (MBKS)	
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.173 Putatan

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PUTATAN, YB DATUK IR. SHAHELMHEY YAHYA



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

02 Mac – 04 Mac 2025
28 April 2025

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Kg. Torong Logong, Pulau Gaya
2. FGD 2: Komuniti Kg. Sembulan Lama
3. FGD 3: Komuniti Kg. Tg Aru Lama

HARI 2

4. FGD 4: Komuniti Kg. Serigai
5. FGD 5: Komuniti Kg. Dumpil Keramat
6. FGD 6: Komuniti Kanaan Home

HARI 3

7. FGD 7: Komuniti Kg. Meruntum
8. Lawatan Tapak 1: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Tanjung Aru

HARI 4

9. FGD 9: Komuniti Kg. Lok Bonu
10. FGD 10: Komuniti Kg Ulu Putatan
11. FGD 11: Komuniti Kg Talang Taun


PASUKAN PENYELIDIK



MC JEANET LEMPISIK
(Ketua Penyelidik)



NURRUL FAZLINA OSMAN



NUR RAHMAH OTHMAN



NOR AMIRUL PUKIN

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 2 – 4 MAC & 28 APRIL 2025 (AHAD-SELASA & ISNIN)



01

12 Disember 2024
Mesyuarat Awalan



02

19 Disember 2024
Mesyuarat Pemprofilan



03

03 Januari 2025
Mesyuarat Susulan 1



06

02 Mac 2025
FGD 1: Komuniti Kg. Torong Logong, Pulau Gaya



05

10 Februari 2025
Mesyuarat Susulan 2



04

13 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan



07

02 Mac 2025
FGD 2: Komuniti Kg. Sembulan Lama



08

02 Mac 2025
FGD 3: Komuniti Kg. Tg Aru Lama



09

03 Mac 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Serigai



12

04 Mac 2025
FGD 7: Komuniti Kg. Meruntum



11

03 Mac 2025
FGD 6: Komuniti Kanaan Home



10

03 Mac 2025
FGD 5: Komuniti Kg. Dumpil Keramat

13



04 Mac 2025
FGD 8: Komuniti Kg. Muhibbah

14



04 Mac 2025
Lawatan tapak 1: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Tanjung Aru

15



28 April 2025
FGD 9: Komuniti Kg. LOK BONU

17



28 April 2025
FGD 11: Komuniti Kg. TALANG TAUN

16



28 April 2025
FGD 10: Komuniti Kg. ULU PUTATAN

12 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan telah diadakan bersama YB Datuk Ir. Shahelmey, Ahli Parlimen Putatan, dengan penglibatan pegawai-pegawai dari pejabat YB, serta wakil dari APPGM-SDG, Fazlina dan Dr. Teo Lee Ken. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan pemetaan isu dan penglokalan SDG di Putatan. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada kerjasama strategik dan sokongan berterusan bagi memastikan pelaksanaan pemetaan isu berjalan dengan lancar dan efektif.

19 DISEMBER 2024 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi mesyuarat profiling bagi Parlimen Putatan telah dijalankan di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Putatan untuk mendapatkan profil tempatan dan mengenalpasti isu-isu setempat. Sesi ini telah dihadiri oleh Fazlina, Janet, Fatimah dan Amirul manakala dari pihak Parlimen P173 Putatan ialah En. Junaidi (Pegawai Urus Kanan Parlimen P173), En. Alex (Pengerak Operasi), Cik Erra (Penyelia Pentadbiran), En. Yunos (Penyelia Operasi). Antara isu awalan yang diperolehi semasa sesi ini ialah kekurangan bekalan air, isu setinggian disebabkan oleh harga rumah yang tinggi dan perumahan PPR yang tidak mencukupi, isu kebersihan, dan isu infrastruktur (ketiadaan ibu pejabat polis dan klinik kesihatan yang tidak menampung).

03 JANUARI 2025 - MESYUARAT SUSULAN 1

Fazlina, Janet, Fatimah dan Amirul telah menghadiri mesyuarat susulan bersama Pegawai Urus Kanan MP 173 Putatan En Junaidi, Pegawai Pengerak Operasi En Alex dan Cik Erra Penyelia Pentadbiran di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P173 Putatan. Mesyuarat ini telah bertujuan untuk mengenalpasti tempat-tempat lawatan tapak dan menetapkan tarikh bagi pemetaan isu Parlimen Putatan.



13 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Jeanet, Fazlina dan Amirul telah membuat satu mesyuarat pra-lawatan ke Pejabat Daerah Putatan yang dihadiri oleh Tuan Masawi (Pegawai Daerah Putatan), Tuan Mohamad Ikram (ADOK), Tuan Mohd Hafiz (ADOD), Puan Noor Fazelah (AA) dan Tuan Awang Musa (ADDO). Perbincangan ini telah mendapat sokongan penuh Pejabat Daerah Putatan untuk menjalankan pemetaan isu di kawasan Putatan. Interagensi dialog dianggarkan akan berjalan 1 minggu selepas sesi lawatan tapak 3 hari.

10 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT SUSULAN 2

Satu mesyuarat susulan bagi pemetaan isu di Parlimen Putatan telah diadakan dengan kehadiran wakil-wakil dari Parlimen Putatan, termasuk En. Junaidi (Pegawai Khas Kanan MP173), En. Alex (Pegawai Penggerak Operasi P173), Cik Erra (Penyelia Pentadbiran), En. Syed Arizal (UPPM N24 Tanjung Keramat), En. Sani (UPPM N22 Tanjung Aru), En. Rahmat Nasip (UPPM N22 Tanjung Aru), dan Cik Dayang Nur Aqilah (UPPM N23 Petagas). Turut hadir mewakili APPGM-SDG ialah Janet dan Aisyah (*Local Coordinator* Lahad Datu). Mesyuarat ini bertujuan untuk menetapkan tarikh dan lokasi lawatan tapak yang akan dijalankan. Hasil perbincangan, lawatan tapak dijadualkan pada 2 hingga 4 Mac 2025.



FGD 1: KOMUNITI KG. TORONG LOGONG, PULAU GAYA

FGD 1 telah melibatkan komuniti Kg. Torong Logong. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** isu perkampungan seluruh Pulau Gaya terutama Kg Torong Logong belum diwartakan sebagai gazet kampung mewujudkan "insecurity" kepada penduduk kampung; **(2)** penyaluran sumber air yang dikawal oleh pihak ketiga mewujudkan isu ketidakpercayaan dalam kalangan penduduk kerana pembayaran air tetap dikutip tetapi air tidak dibekalkan; **(3)** masalah sampah yang tidak terkawal setelah air pasang; **(4)** ancaman babi hutan dan monyet liar yang masuk ke rumah dan mengganggu kesejahteraan; **(5)** tiada pertubuhan berkaitan penduduk yang menyatukan komuniti secara berdaftar; **(6)** isu keselamatan pelajar sekolah yang terpaksa berjalan kaki berkilometer jauhnya dan ibu pelajar terpaksa berkampung di jeti sekolah demi mengurangkan risiko. Kos kewangan yang tinggi diperlukan jika kerap menggunakan jalan air; **(7)** suri rumah menghadapi keterbatasan dalam menjana pendapatan sendiri dan hanya bergantung kepada pendapatan suami; dan **(8)** kehadiran haiwan ternakan (lembu, sapi, kambing) dibiarkan berkeliaran menimbulkan masalah kebersihan dan pencemaran bau.



FGD 2: KOMUNITI KG. SEMBULAN LAMA

FGD 2 telah diadakan bersama komuniti Kg. Sembulan Lama. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** gangguan bekalan air yang berterusan; **(2)** kesukaran dalam permohonan bekalan elektrik yang tidak mendapat kelulusan dari Jabatan Tanah; **(3)** kekurangan rumah PPRT untuk penduduk yang memerlukan; **(4)** isu dokumentasi di mana tiga adik-beradik tempatan tidak mempunyai kad pengenalan; **(5)** haiwan liar seperti biawak yang berkeliaran di kawasan perumahan setinggan; **(6)** status tanah di pesisir Sungai Sembulan yang belum diwartakan sebagai kawasan perkampungan, menyukarkan penduduk mewarisi rumah dan tanah mereka; **(7)** keperluan tambahan rumah PPR/PPRT untuk orang yang memerlukan dan penduduk yang berpotensi dipindahkan dari kawasan setinggan; **(8)** pencemaran sampah yang kadang kala berlaku disebabkan sikap manusia; **(9)** prosedur rumit dalam memohon penyambungan bekalan elektrik di kawasan setinggan; dan **(10)** kes denggi yang pernah berlaku, namun keadaan kini agak terkawal.



FGD 3: KOMUNITI KG. TG ARU LAMA

FGD 3 telah diadakan bersama komuniti Kg. Tg Aru Lama. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** kekurangan tempat letak kenderaan di kawasan perumahan setinggan menyebabkan kenderaan menghalang laluan dan menyukarkan pergerakan DBKK dalam kutipan sampah; **(2)** jambatan di kawasan perumahan sering rosak akibat beban motosikal yang berlebihan, menyebabkan struktur jambatan cepat rosak; **(3)** pembinaan rumah sewa yang tidak mengikut prosedur, disewakan kepada bukan penduduk tempatan, meningkatkan risiko kebakaran akibat struktur yang tidak selamat; **(4)** catuan elektrik yang tidak konsisten di blok-blok tertentu walaupun dalam kampung yang sama; **(5)** kesukaran dalam mendapatkan lesen PBT untuk peniaga kecil, menghalang mereka daripada menjalankan perniagaan secara sah; **(6)** kesukaran mendapatkan bantuan atau geran kerana tiada lesen PBT; **(7)** kurang kesedaran terhadap kebersihan persekitaran, di mana sampah dibuang ke laut atau bawah rumah; **(8)** longgokan sampah di tempat yang dikhaskan, menyukarkan DBKK mengambil sampah pada masa yang ditetapkan; **(9)** kawasan lapang yang terhad, menyukarkan penduduk meletakkan kenderaan, mengundang pergaduhan dan kerosakan harta benda; dan **(10)** isi rumah yang ramai dan sempit, menjadikan keadaan kehidupan lebih mencabar bagi penduduk kampung.



FGD 4: KOMUNITI KG. SERIGAI

FGD 4 telah diadakan bersama komuniti Kg. Serigai. Antara isu yang diutarakan dalam sesi ini adalah: **(1)** kemasukan pendatang asing yang tidak terkawal menyebabkan pertambahan kawasan setinggan, yang bukan sahaja menjejaskan pembangunan dan perancangan bandar tetapi juga memberi kesan kepada infrastruktur serta keselamatan penduduk setempat; **(2)** tiada lokasi yang sesuai untuk pembinaan rumah sampah menyebabkan kesukaran dalam pengurusan sisa pepejal di kampung, yang akhirnya mencetuskan masalah pencemaran dan persekitaran yang tidak bersih; **(3)** ruang meletak kenderaan yang terhad menyebabkan ramai penduduk terpaksa melakukan 'double park', yang sering kali mencetuskan pergaduhan dan ketegangan dalam komuniti; **(4)** penduduk sering mengalami gangguan bekalan air akibat penyambungan haram oleh pendatang tanpa izin (PTI). Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan tekanan air bagi penduduk tempatan tetapi juga menjejaskan keperluan asas harian mereka; **(5)** pembinaan rumah di kawasan rezab perparitan telah menjejaskan sistem saliran di kampung, menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir ketika hujan lebat; **(6)** penduduk yang terlibat dalam pengambilan tanah hanya menerima pampasan antara RM9,000 hingga RM50,000, jumlah yang dianggap tidak mencukupi untuk membina rumah baharu, menyebabkan kesulitan kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal; **(7)** sampah sering dibakar secara terbuka, mencemarkan udara dan menjejaskan kesihatan penduduk. Selain itu, sebahagian sampah dibawa lari oleh anjing liar, menyebabkan persekitaran menjadi lebih kotor. Ketiadaan stesen pembuangan sampah menambah lagi masalah ini; **(8)** penyambungan elektrik yang tidak teratur dan dilakukan secara haram oleh sesetengah pihak meningkatkan risiko kebakaran dan renjatan elektrik, mewujudkan bahaya kepada penduduk terutama kanak-kanak; **(9)** anjing liar semakin mengancam keselamatan penduduk, khususnya pelajar sekolah yang berjalan kaki ke sekolah. Selain itu, terdapat peningkatan penampakan buaya di kawasan kampung, namun tindakan pihak berkuasa tidak konsisten, menyebabkan kebimbangan dalam kalangan penduduk; **(10)** penduduk yang layak menerima bantuan kebajikan sering kali menghadapi kesukaran apabila permohonan mereka tidak mendapat maklum balas daripada pihak berwajib, menyebabkan mereka terus berada dalam kesusahan; dan **(11)** sebanyak lebih 60 rumah bakal dirobuhkan untuk pembinaan sistem perparitan. Pampasan tunai diberikan berdasarkan keluasan rumah, namun jumlahnya masih dianggap tidak mencukupi oleh penduduk yang akan kehilangan tempat tinggal.



FGD 5: KOMUNITI KG. DUMPIL KERAMAT

FGD 5 telah berlangsung bersama komuniti Kg. Dumpil Keramat. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** pembuangan sampah ke dalam sungai mencemarkan bau dan pemandangan, ditambah dengan sampah hanyut ketika air pasang yang menjejaskan kebersihan kampung. Usaha pengurusan sampah seperti kutipan RM10 dan penyewaan lori ro-ro kurang berkesan kerana kurangnya kerjasama penduduk. Kesedaran kebersihan dalam kalangan penduduk juga masih rendah; **(2)** kehadiran PATI yang semakin meningkat membawa risiko keselamatan, terutama dengan pembinaan rumah di kawasan perparitan serta penyambungan elektrik dan air secara haram dengan kebenaran penduduk tempatan. Ancaman haiwan seperti anjing liar terhadap pejalan kaki dan pelajar sekolah, serta penampakan buaya, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk; **(3)** tanah kampung masih berstatus rizab kerajaan dan belum digazetkan, menyebabkan kesukaran mendapatkan bantuan. Selain itu, terdapat individu yang menjual tanah kerajaan untuk keuntungan peribadi. Ketiadaan fasiliti rekreasi memaksa penduduk menggunakan jalan raya sebagai tempat riadah, meningkatkan risiko kemalangan; **(4)** balai raya kampung berada dalam keadaan daif, tidak diselenggara, dan tiada kipas, menjadikannya kurang selesa untuk kegunaan penduduk. Selain itu, tiada aktiviti pembangunan komuniti atau kursus yang dianjurkan, serta tiada gerai kecil yang boleh membantu menjana ekonomi penduduk; dan **(5)** kurangnya pendedahan terhadap dasar dan inisiatif kerajaan menyukarkan penduduk mendapatkan maklumat penting. JPKK yang dilantik bukan penduduk kampung dan tidak turun padang, menyebabkan kesukaran dalam penyampaian aduan dan urusan pentadbiran kampung.



FGD 6: KOMUNITI KANAAN HOME

FGD 6 telah berlangsung bersama komuniti Kanaan Home. Antara isu yang telah diutarakan termasuk: Antara isu dan cabaran yang diutarakan ialah: **(1)** kurangnya kursus dan penyedia latihan menyebabkan kekurangan caregiver yang berkemahiran dalam penjagaan warga emas. Keadaan ini menyukarkan proses mendapatkan staf tempatan yang mahir, terutama dalam mengurus warga emas yang uzur dan sakit; **(2)** permintaan terhadap pusat penjagaan warga emas semakin meningkat. Namun, kekurangan kemudahan yang memenuhi keperluan agama dan budaya masih menjadi cabaran utama; **(3)** rumah jagaan warga emas menghadapi kesukaran mendapatkan tenaga kerja mencukupi kerana perlu mematuhi dasar kerajaan, termasuk pembayaran gaji minimum. Sedangkan, operasi rumah jagaan memerlukan tenaga kerja sepanjang masa; dan **(4)** kursus dan latihan dalam bidang penjagaan warga emas perlu diperbanyak, khususnya di Sabah, bagi melahirkan tenaga kerja berkualiti dan memenuhi permintaan sektor ini.



FGD 7: KOMUNITI KG. MERUNTUM

Antara isu yang telah dibangkit di Kg. Meruntum termasuk; **(1)** ketiadaan lokasi pembuangan sampah yang strategik serta kekurangan tong sampah khas; **(2)** gangguan bekalan air berlaku tanpa notis rasmi dan kapasiti bekalan tidak mencukupi; **(3)** kawasan gelanggang sukan digunakan sebagai tempat letak kenderaan dan lokasi program komuniti; **(4)** struktur jambatan ke rumah setinggan tidak kukuh dan berisiko tinggi; **(5)** kepadatan penduduk tinggi dengan satu rumah didiami oleh beberapa keluarga; **(6)** lambakan pendatang tanpa izin yang mendirikan rumah di atas air semakin tidak terkawal; **(7)** peningkatan jumlah anjing liar yang mengancam keselamatan penduduk; **(8)** kes demam denggi berulang sehingga tiga kali setahun; **(9)** pokok besar yang tidak diselenggara mengancam keselamatan penduduk; **(10)** sebahagian penduduk masih menghadapi masalah dokumentasi pengenalan diri; **(11)** kekurangan kawasan tempat letak kenderaan menyebabkan kesesakan; **(12)** ketiadaan jejantas penghubung bagi pejalan kaki dan penunggang motosikal.



FGD 8: KOMUNITI KG. MUHIBBAH

FGD 8 telah berlangsung bersama komuniti Kg Muhibbah Antara isu yang telah diutarakan termasuk: Antara isu dan cabaran yang diutarakan ialah: **(1)** kepadatan penduduk yang tinggi menyebabkan satu rumah didiami oleh dua hingga tiga keluarga; **(2)** pembuangan sampah oleh penduduk luar membebankan sistem pengurusan sisa dan mencetuskan masalah kebersihan; **(3)** jeti nelayan yang daif tidak mampu menampung keperluan bot dan perahu; **(4)** sebilangan nelayan tidak dilibatkan dalam aktiviti komuniti oleh pihak kepimpinan tempatan; **(5)** proses pendaftaran lesen bot menyulitkan kerana nelayan perlu hadir sendiri ke jabatan berkaitan; **(6)** sistem perparitan yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan banjir setiap kali hujan lebat; **(7)** sebahagian kawasan di Kampung Muhibbah tidak diwartakan sebagai kawasan perkampungan, menyebabkan status tanah tidak jelas; **(8)** Ketiadaan program keusahawanan sejak pandemik COVID-19 menyukarkan peningkatan taraf ekonomi penduduk; **(9)** peningkatan populasi anjing liar menimbulkan ancaman keselamatan penduduk; **(10)** kemunculan buaya di kawasan kampung semakin kerap dan mengancam keselamatan penduduk; **(11)** ketiadaan pertubuhan komuniti wanita atau persatuan penduduk yang berdaftar menyukarkan advokasi dan pembangunan masyarakat; **(12)** golongan belia kurang berminat menyertai aktiviti anjuran pihak berkuasa tempatan; **(13)** keperluan terhadap perumahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) semakin mendesak; dan **(14)** kenaikan harga barangan keperluan asas tidak sejajar dengan pendapatan penduduk.



LAWATAN TAPAK 1: PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) TANJUNG ARU

Lawatan tapak yang telah dijalankan telah mendapati pusat ini menampung seramai 45 pelajar berusia antara 3 hingga 7 tahun, dengan 90% daripadanya merupakan kanak-kanak autisme. PDK ini dikendalikan oleh lapan orang staf yang menjalankan aktiviti pemulihan bagi pelajar. Namun, pusat ini menghadapi beberapa cabaran utama, antaranya ialah kadar elaun staf yang rendah, iaitu hanya RM300 sebulan, yang tidak setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawab mereka. Selain itu, kejadian kecurian serta pencerobohan oleh pendatang tanpa izin (PTI) turut menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan.



FGD 9: KOMUNITI KG. LOK BONU

FGD 9 yang telah dijalankan bersama komuniti Kg Lok Bonu telah mengenal pasti beberapa isu utama yang membelenggu kehidupan harian penduduk. Antaranya termasuk **(1)** masalah banjir yang kerap berlaku akibat ketiadaan sistem perparitan terancang, menyebabkan air bertakung dan merosakkan harta benda penduduk. Selain itu, penduduk turut berdepan dengan **(2)** gangguan bekalan air yang berpanjangan, memaksa mereka berjaga malam untuk mengumpul air bagi kegunaan harian. Gangguan elektrik yang kerap dan tanpa notis turut menyebabkan kerosakan kepada peralatan elektrik di rumah-rumah penduduk, sekali gus meningkatkan beban kos.

Selain itu, **(3)** ketiadaan sistem pengurusan sampah yang tersusun memaksa penduduk membawa sampah ke pekan berhampiran untuk dilupuskan. Komuniti juga berdepan kekangan prasarana seperti **(4)** ketiadaan balai raya yang memaksa mereka menggunakan rumah ketua kampung untuk aktiviti komuniti. **(5)** Lampu jalan yang tidak berfungsi pula menimbulkan risiko keselamatan pada waktu malam. Tambahan pula, **(6)** kesesakan tempat letak kereta di Klinik Kesihatan Putatan turut menjejaskan pergerakan dan keselamatan penduduk kampung berdekatan. Secara keseluruhan, isu-isu ini menuntut perhatian segera bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan komuniti Kg Lok Bonu.



FGD 10: KOMUNITI KG. ULU PUTATAN

FGD 10 telah dijalankan bersama komuniti Kg Ulu Putatan. Antara isu yang diutarakan ialah **(1)** Isu perumahan menjadi kebimbangan utama apabila permohonan rumah PPR yang dikemukakan selama bertahun masih belum diluluskan, memaksa ramai menyewa dengan kos tinggi. Dalam sektor ekonomi, **(2)** usahawan kecil kekurangan modal dan ruang niaga, manakala **(3)** nelayan pula mengalami kemerosotan pendapatan akibat kekurangan peralatan moden. **(4)** Ketiadaan akses internet sejak penamatan program Kampung Tanpa Wayar turut membataskan peluang pembelajaran dan ekonomi digital, terutamanya bagi golongan muda. Tambahan pula, **(5)** tiada ruang riadah, kemudahan sukan, atau program khas untuk warga emas dan wanita menyebabkan penglibatan komuniti dalam pembangunan sosial menjadi terhad.

Dari segi kemudahan asas dan persekitaran, penduduk berdepan dengan **(6)** masalah pembuangan sampah kerana tiada tong disediakan, manakala tong sedia ada pula sering disalah guna oleh pihak luar. **(7)** Kekurangan lampu jalan menimbulkan risiko keselamatan, terutamanya pada waktu malam. Isu lain termasuk **(8)** banjir akibat projek tebatan yang tidak berkesan, **(9)** jalan raya yang masih belum berturap, dan **(10)** tempat letak kenderaan yang terhad sehingga menimbulkan konflik sesama penduduk. Selain itu, **(11)** populasi anjing liar yang mengancam keselamatan dan kebersihan kampung turut menjadi kebimbangan. Kampung ini juga **(12)** tidak mempunyai balai raya atau dewan rasmi, menyukarkan pelaksanaan aktiviti komuniti secara terancang dan konsisten.



FGD 11: KOMUNITI KG. TALANG TAUN

FGD 11 telah dijalankan bersama komuniti Kg Talang Taun. Antara isu yang diutarakan ialah **(1)** masalah banjir kilat akibat kedudukan kampung di kawasan rendah serta sistem perparitan dan pembentungan yang tidak sistematik. Selain itu, **(2)** gangguan bekalan air yang kerap dan berkualiti rendah menjejaskan keperluan asas harian, manakala **(3)** ketiadaan tapak pelupusan sampah serta jalan sempit menyukarkan pengurusan sisa. Kampung ini juga **(4)** tidak memiliki balai raya, menyukarkan pelaksanaan program sosial dan mesyuarat penduduk. **(5)** Jalan yang rosak dan sempit pula meningkatkan risiko keselamatan, terutama pada waktu malam atau musim hujan.

Dari aspek sosial dan pentadbiran, **(6)** status kampung yang masih belum digazet mengundang ketidakpastian dalam kalangan penduduk untuk terlibat dalam pembangunan jangka panjang. **(7)** Komposisi penduduk yang majoritinya pesara menuntut perhatian terhadap keperluan warga emas serta mencabar pelaksanaan aktiviti komuniti yang memerlukan tenaga kerja aktif. Tambahan pula, **(8)** isu keselamatan seperti kecurian menimbulkan kebimbangan, walaupun rondaan polis telah dilakukan. **(9)** Lantikan ketua kampung dan ahli JKKK secara politik turut menjejaskan kepercayaan serta semangat gotong-royong dalam kalangan penduduk, sekali gus melemahkan pengurusan dan pembangunan komuniti.

BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.173 Putatan

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Seputeh
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Seputeh
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 14	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 15	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 11
Jadual 16	Ringkasan Isu 1
Jadual 17	Ringkasan Isu 2
Jadual 18	Ringkasan Isu 3
Jadual 19	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 4	Taklimat dan perkongsian oleh Ketua Pelatih Tanjung Aru kepada pasukan penyelidik
Rajah 5	Keadaan tempat meletak kenderaan di depan klinik kesihatan yang penuh
Rajah 6	Keadaan Klinik Kesihatan Putatan yang padat
Rajah 7	Pintu utama Klinik Kesihatan Putatan
Rajah 8	Ruang menunggu di dalam Klinik Kesihatan Putatan

Senarai Singkatan

SDG	Sustainable Development Goals
FGD	Focus Group Discussion
DUN	Dewan Undangan Negeri
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
KK	Klinik Kesihatan
KD	Klinik Desa
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran

1.0 PENGENALAN

Pada asalnya, Putatan berada di bawah pentadbiran Daerah Penampang. Melalui Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1997, Putatan telah diberi status sebagai Daerah Kecil Gred V dan berstatus pekan dalam Daerah Penampang. Seterusnya, pada 18 Mac 1997, Putatan telah diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah daerah kecil. Kemudian, melalui Warta Kerajaan Tambahan Kedua Jilid bertarikh 30 Ogos 2007, Putatan dinaik taraf kepada status daerah penuh berkuat kuasa mulai 1 Mac 2007. Akhirnya, pada 30 April 2011, Putatan telah diisytiharkan secara rasmi sebagai sebuah daerah penuh yang berstatus bandar¹.



**YB Datuk Ir.
Shahelmey bin Yahya**

Putatan adalah sebuah daerah yang dijadikan pusat pentadbiran dalam pemerintahan Inggeris di bawah North Borneo Chartered Company pada tahun 1884 setelah berada di bawah jajahan Kerajaan Kesultanan Brunei. Putatan mendapat namanya daripada sejenis pokok yang digelar pokok Putat yang tumbuh dengan banyak di sekitar daerah Putatan. Berdasarkan cerita lisan, Putatan adalah sebuah pekan kecil yang dikenali sebagai "*Putat Town*" oleh penjajah Inggeris suatu ketika dahulu. Namun di kalangan penduduk tempatan, "*Putat Town*" dikenali sebagai Putatan atas sebab sebutan dalam dialek tempatan hinggalah ke hari ini².

Parlimen Putatan terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN N.22 Tanjong Aru, DUN N.23 Petagas dan DUN N.24 Tanjong Keramat. Parlimen Putatan ini telah dipertandingkan sejak tahun 2004. Ahli Parlimen pertama adalah Makin @ Marcus Mojigoh, yang telah memegang jawatan sebagai Ahli Parlimen Putatan selama tiga penggal sejak 2004 sehingga 2018. Manakala Ahli Parlimen kedua adalah Awang Husaini Sahari selama satu penggal dan Ahli Parlimen Putatan pada masa ini adalah YB Datuk Ir. Shahelmey Yahya, yang merupakan Timbalan Ketua Menteri III Sabah dan Menteri Kerja Raya Sabah. Beliau juga merupakan anggota Dewan Undangan Negeri Sabah untuk Tanjong Keramat.

1.1 Geografi/Topografi

Daerah Putatan terletak di pantai barat negeri Sabah, Malaysia. Ia merupakan salah satu daerah dalam bahagian pantai barat dan bersempadan dengan Kota Kinabalu di utara,

¹ Majlis Daerah Putatan, "Perutusan," accessed December 10, 2024, <https://mdputatan.sabah.gov.my/page.php?page=perutusan&menu=INFO%20MDPTN&sub=Latar%20Belakang%20Mdptn>.

² Wikipedia, "Putatan," accessed December 10, 2024, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Putatan>.

Penampang di timur dan tenggara, serta Laut China Selatan di sebelah barat. Lokasinya yang strategik berhampiran ibu negeri menjadikannya kawasan yang pesat membangun, terutamanya dari segi perbandaran dan pembangunan infrastruktur.

Dari segi geografi, Putatan meliputi kawasan seluas kira-kira 29.7-kilometer persegi³. Ia mempunyai kawasan dataran rendah yang kebanyakannya digunakan untuk pembangunan perumahan, komersial dan industri ringan. Kawasan pantainya pula terdiri daripada kawasan berlumpur dan berpayau bakau yang penting bagi ekosistem pesisir serta perlindungan alam sekitar.

Topografi Putatan secara umum adalah landai, dengan ketinggian kawasan yang rendah dan tidak banyak bukit atau kawasan berbukit berbanding daerah jiran seperti Penampang atau Papar. Keadaan ini menjadikannya sesuai untuk pembangunan infrastruktur dan kawasan kediaman, namun juga terdedah kepada risiko banjir kilat semasa musim hujan, terutama di kawasan rendah dan berhampiran sungai.

Beberapa sungai kecil mengalir melalui Putatan dan menjadi saluran semula jadi saluran air hujan ke laut. Kawasan pesisir dan sistem saluran ini memainkan peranan penting dalam pengurusan sumber air dan perlindungan kawasan penempatan daripada kesan fenomena pasang surut tinggi. Putatan juga mempunyai beberapa kawasan kampung tradisional yang masih wujud di tengah-tengah pembangunan moden, memperlihatkan gabungan antara kemajuan bandar dan warisan komuniti tempatan.

1.2 Komposisi Penduduk

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Putatan

BIL	KAUM	BIL ('000)	BIL (%)
1.	Bumiputera	59.5	91.8
2.	Cina	3.9	6.0
3.	India	0.3	0.4
4.	Lain-lain	1.2	1.8
JUMLAH KESELURUHAN		64.9	100

Pada tahun 2023, jumlah penduduk di Putatan, Sabah dianggarkan seramai 70.2 ribu orang, dengan lelaki mewakili 36.8 ribu dan perempuan 33.5 ribu. Majoriti penduduk adalah warganegara Malaysia iaitu seramai 64.8 ribu orang, manakala bukan warganegara mencatatkan seramai 5.4 ribu orang. Jadual 1 menunjukkan pecahan dalam

³ Jabatan Perangkaan Malaysia, My Local Stats Putatan 2023 (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023)

kalangan warganegara, Bumiputera merupakan kumpulan etnik terbesar dengan 59.5 ribu orang, diikuti oleh kaum Cina (3.9 ribu), India (0.3 ribu), dan lain-lain etnik (1.2 ribu). Ini menunjukkan bahawa masyarakat di Putatan didominasi oleh penduduk Bumiputera.

Dari segi struktur umur, penduduk berumur 15 hingga 64 tahun (golongan bekerja) merangkumi peratusan tertinggi iaitu 45.6 peratus, manakala kanak-kanak berumur 0-14 tahun mewakili 21.3 peratus dan warga emas berumur 65 tahun ke atas mencatatkan 3.2 peratus. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan pada tahun 2023 ialah 1.4 peratus, menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, kepadatan penduduk meningkat kepada 1,737 orang per kilometer persegi, menggambarkan peningkatan populasi dan potensi tekanan terhadap kemudahan dan infrastruktur tempatan jika tidak dirancang dengan baik.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kegiatan ekonomi utama di Putatan merangkumi sektor perkhidmatan, perdagangan, pertanian, dan perikanan. Sebagai sebuah daerah yang terletak berhampiran dengan Kota Kinabalu, Putatan mengalami pertumbuhan pesat dalam sektor perkhidmatan dan perdagangan, terutama melalui pembangunan perumahan, pasaraya, dan perniagaan kecil serta sederhana. Pasaraya seperti Giant dan pembangunan komersial seperti Putatan Point menjadi pusat aktiviti ekonomi setempat. Selain itu, pertanian dan perikanan tradisional masih dijalankan oleh sebahagian penduduk luar bandar, terutamanya di kawasan kampung sekitar Putatan. Aktiviti seperti penanaman padi, sayur-sayuran dan penternakan kecil menyumbang kepada ekonomi domestik. Sektor pelancongan juga menunjukkan potensi, terutama melalui lokasi-lokasi menarik di sekitar pesisir pantai dan budaya tempatan yang unik. Gabungan antara pembangunan bandar dan aktiviti ekonomi tradisional menjadikan Putatan sebagai salah satu daerah yang sedang pesat membangun di Sabah⁴

Dari segi perkhidmatan dan perdagangan, kedudukan strategik Putatan yang hampir dengan ibu negeri Sabah menjadikannya pusat pertumbuhan pesat dalam sektor perkhidmatan dan perdagangan. Pembangunan komersial seperti pasaraya dan perniagaan kecil serta sederhana telah berkembang, memenuhi keperluan penduduk tempatan dan kawasan sekitarnya. Inisiatif seperti Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang diadakan di Putatan menunjukkan komitmen kerajaan dalam membantu

⁴ Jabatan Perangkaan Malaysia. *Putatan: Statistik Sosioekonomi Negeri Sabah 2020*. <https://www.dosm.gov.my/>

meringankan kos sara hidup rakyat melalui penawaran barangan keperluan harian pada harga lebih rendah^{5 6}

Walaupun saiz daerah Putatan agak kecil, sektor pertanian tetap memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan. Kerajaan Negeri Sabah telah memperuntukkan sebanyak RM553.07 juta dalam bajet tahun 2024 untuk sektor pertanian, perikanan, dan industri makanan bagi meningkatkan tahap sara diri negeri⁷. Selain itu, penubuhan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian atau Peladang Outlet di Kampung Meruntum, Putatan menyediakan platform bagi petani tempatan memasarkan produk mereka, sekaligus meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka⁸.

Sektor perikanan juga merupakan komponen penting dalam ekonomi Putatan. Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih, misalnya, mencatatkan pendaratan ikan sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2021⁹. Peningkatan infrastruktur seperti menaik taraf pasar nelayan ini memperkukuh sektor perikanan dan meningkatkan pendapatan nelayan tempatan.

Secara keseluruhannya, gabungan sektor perkhidmatan, perdagangan, pertanian, dan perikanan menjadikan Putatan sebagai daerah yang berkembang pesat dengan ekonomi yang pelbagai, memberikan manfaat kepada penduduk setempat dan menyumbang kepada pembangunan negeri Sabah secara amnya.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Lokasi Fizikal

Parlimen Putatan terletak dalam daerah Putatan, Sabah, dan merangkumi kawasan bandar yang sedang pesat membangun, perkampungan tradisional, kampung pesisir pantai serta kawasan berhampiran hutan. Kedudukan strategiknya yang berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan pusat pentadbiran negeri memberi kelebihan dari segi potensi pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih

⁵ Parlimen Putatan Hos Program Jualan Keluarga Malaysia Pertama Peringkat Negeri Sabah," *Jesselton Times*, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, <https://jesseltontimes.com/2021/12/04/parlimen-putatan-hos-program-jualan-keluarga-malaysia-pertama-peringkat-negeri-sabah/>

⁶ "KPDNHEP Sabah Lancar Program Jualan Keluarga Malaysia di Putatan," *Sabah Media*, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, <https://sabahmedia.com/2021/12/04/kpdnhep-sabah-lancar-program-jualan-keluarga-malaysia-di-putatan/>

⁷ Peruntukan RM553.07 Juta Tingkat Tahap Sara Diri Tahun Ini," *Sabah Media*, 4 Februari 2024, diakses 7 April 2025, <https://sabahmedia.com/2024/02/04/peruntukan-rm553-07-juta-tingkat-tahap-sara-diri-tahun-ini/>

⁸ "Ambil Peluang Disediakan Pertubuhan Peladang Negeri Sabah," *Utusan Borneo*, 8 Julai 2023, diakses 7 April 2025, <https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/08/ambil-peluang-disediakan-pertubuhan-peladang-negeri-sabah>

⁹ "Perikanan Sabah Jana RM643 Juta," *Utusan Borneo*, 18 Julai 2021, diakses 7 April 2025, <https://www.utusanborneo.com.my/2021/07/18/perikanan-sabah-jana-rm643-juta>

mampan. Keadaan ini selaras dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 11: Bandar dan Komuniti Mampan**, yang menekankan kepentingan perancangan bandar inklusif dan seimbang.

Keadaan Ekonomi Tempatan

Ekonomi di Putatan didominasi oleh sektor perkhidmatan, perniagaan kecil, serta aktiviti penjaja, di samping kewujudan aktiviti perikanan dan pertanian tradisional di kawasan kampung. Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan dari segi peluang ekonomi dan jurang pendapatan masih wujud, terutamanya dalam kalangan golongan B40 luar bandar. Keadaan ini menuntut perhatian terhadap **SDG 1: Tiada Kemiskinan**, yang menekankan usaha pengurangan kadar kemiskinan, serta **SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi**, yang menekankan penciptaan peluang pekerjaan dan sokongan terhadap keusahawanan mikro.

Budaya

Masyarakat di Putatan terdiri daripada pelbagai etnik seperti Kadazan-Dusun, Brunei, Bajau dan Melayu. Kepelbagaian ini membentuk identiti budaya yang tersendiri, dengan penekanan kepada nilai kekeluargaan, semangat kebersamaan, dan amalan gotong-royong. Nilai budaya ini bukan sahaja mencerminkan keharmonian masyarakat majmuk, malah menyumbang kepada kestabilan sosial di peringkat tempatan. Dalam konteks ini, **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** turut relevan kerana pendidikan berperanan dalam memperkukuh kefahaman antara etnik dan memelihara identiti budaya.

Sosial

Hubungan sosial dalam kalangan penduduk kampung di Putatan kekal kukuh melalui aktiviti gotong-royong, sambutan perayaan bersama, serta jaringan kekeluargaan yang erat. Sebaliknya, komuniti baharu di kawasan perumahan moden masih berada dalam proses membina hubungan sosial yang lebih bersepadu. Keadaan ini memperlihatkan keperluan untuk mengukuhkan integrasi sosial, sejajar dengan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan**, yang menekankan kepentingan membentuk komuniti yang inklusif dan saling menyokong.

Nilai Sejarah

Putatan memiliki nilai sejarah yang penting kerana pernah menjadi kawasan pertanian tradisional serta penempatan asal masyarakat pribumi. Sebahagian kawasan masih mengekalkan tapak budaya dan warisan tempatan, yang menjadi bukti kesinambungan sejarah dan identiti komuniti setempat. Aspek ini mencerminkan kepentingan pemeliharaan budaya dan sejarah, seiring dengan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan**, yang menekankan perlindungan serta pemuliharaan warisan budaya dalam arus pembangunan moden.

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Parlimen Putatan terserlah melalui gabungan ciri pembangunan moden dengan pemeliharaan elemen tradisi dan warisan budaya tempatan. Perpaduan kedua-dua elemen ini menjadikan Putatan berbeza daripada kawasan parlimen lain yang berhampiran dengan Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, kawasan ini turut berdepan cabaran alam sekitar seperti risiko banjir dan hakisan pantai. Hal ini menuntut perhatian terhadap **SDG 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim**, yang menekankan keperluan memperkukuh daya tahan komuniti dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh melalui pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul. Antara kaedah yang dilaksanakan termasuklah perbincangan awal dan pembentukan profil kawasan, mesyuarat pra-lawatan bersama Pejabat Daerah, serta mesyuarat susulan bersama pegawai dari Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Putatan. Selain itu, kajian lapangan dan lawatan tapak telah dijalankan untuk mendapatkan gambaran secara langsung terhadap keadaan fizikal dan sosial di kawasan kajian. Bagi tujuan pemetaan isu-isu tempatan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sesi temu bual serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut dilaksanakan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti setempat.

Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga adalah analisis dokumen yang diperoleh melalui platform e-Statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Platform ini menyediakan pelbagai data sekunder yang merangkumi statistik demografi, ekonomi, sosial, dan pembangunan setempat. Data yang dimuat turun ini dianalisis untuk memperoleh maklumat sokongan berkaitan profil penduduk, tahap sosio-ekonomi, serta perkembangan infrastruktur di kawasan parlimen yang dikaji. Penggunaan sumber ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend dan corak yang berkaitan dengan isu-isu setempat, meskipun terdapat batasan dari segi kekinian dan keboleh capaian data pada peringkat mikro.

2.1 Pendekatan Kajian

Proses pemetaan isu di kawasan Parlimen P.173 Putatan telah dimulakan dengan satu mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Putatan, Yang Berhormat Datuk Ir. Shahelmei Yahya, yang berlangsung pada 12 Disember 2024. Mesyuarat tersebut telah melibatkan wakil dari pihak APPGM-SDG iaitu Nurul Fazlina Osman (Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG) dan Dr. Teo Lee Ken (Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG). Seterusnya, mesyuarat pemprofilan telah diadakan pada 19 Disember 2024 bagi mendapatkan profil dan data awalan kawasan, membincangkan hala tuju dan pendekatan kajian secara lebih terperinci. Sebagai persediaan sebelum pelaksanaan kajian lapangan, satu mesyuarat pra-lawatan turut diadakan bersama Pegawai Daerah Putatan, En. Masawi Haji Salleh, pada 13 Januari 2025. Selain itu, dua mesyuarat susulan bersama pegawai Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P.173 Putatan serta pegawai dari Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) telah diadakan pada 3 Januari 2025 dan 10 Februari 2025 bagi menyelaraskan logistik dan penglibatan komuniti. Berdasarkan kesemua mesyuarat tersebut, jadual lawatan penyelidikan telah dirangka dan dipersetujui bagi pelaksanaan kajian di lapangan:

Jadual 2. Sesi dialog bersama komuniti dan lawatan tapak

TARIKH	PERKARA
2 Mac 2025 , Ahad	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Torong Logong • Sesi dialog bersama komuniti Kg Sembulan Lama • Sesi dialog komuniti Kg Tanjung Aru Lama
3 Mac 2025 , Isnin	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Dumpil Keramat • Sesi dialog bersama komuniti Kg Serigai • Lawatan tapak dan temu ramah berfokus Kanaan Home (Rumah Orang Tua-tua)
4 Mac 2025 , Selasa	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Meruntum • Sesi dialog bersama komuniti Kg Muhibbah • Lawatan tapak ke Klinik Kesihatan Putatan • Lawatan tapak ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Tanjung Aru (PDK)
20 Mac 2025 , Khamis	• Sesi dialog bersama agensi kerajaan (IAD)
28 April 2025 , Jumaat	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Lok Bonu • Sesi dialog bersama komuniti Kg Ulu Putatan • Temu ramah berfokus bersama pemimpin kampung Kg Talang Taun

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Dalam menjalankan kajian lapangan di daerah Putatan yang melibatkan sesi dialog berkumpul bersama penduduk kampung, penyelidik telah mengambil langkah-langkah etika yang sewajarnya bagi memastikan integriti kajian terpelihara dan hak peserta dihormati. Kebenaran awal telah diperoleh daripada pemimpin komuniti setempat termasuk ketua kampung sebagai tanda hormat terhadap struktur kepimpinan tempatan. Setiap peserta diberi taklimat berkenaan objektif kajian, bentuk penglibatan mereka, serta jaminan kerahsiaan terhadap maklumat yang dikongsi. Persetujuan dimaklumkan diperoleh secara lisan dengan mengambil kira latar belakang sosio-budaya peserta.

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Putatan, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Sepanjang sesi, penyelidik juga memastikan suasana dialog yang selamat, terbuka dan inklusif, dengan memberi ruang kepada semua peserta untuk bersuara tanpa tekanan atau paksaan. Etika juga dititikberatkan dalam aspek dokumentasi dan penggunaan data, di mana nama sebenar peserta tidak didedahkan dan maklumat yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan akademik. Penyelidik turut mengamalkan pendekatan sensitif budaya dengan menghormati adat, bahasa dan norma komuniti setempat.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pelaksanaan kajian lapangan di daerah Putatan turut berdepan dengan kekangan yang memberi kesan terhadap kelancaran proses pengumpulan data. Antara kekangan ialah komunikasi dan penyelarasan antara pihak penyelidik dengan pihak perantara komuniti. Sebagai contoh, berlaku kelewatan dalam penyampaian surat pemberitahuan daripada Pegawai Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) kepada Ketua Kampung walaupun surat telah dikeluarkan awal oleh Ketua Penyelidik, yang mengakibatkan Ketua Kampung tidak dapat memaklumkan dan mengumpulkan penduduk mengikut keperluan jumlah peserta bagi sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD). Akibatnya, sesi FGD di salah sebuah kampung tidak dapat dijalankan seperti yang dijadualkan dalam pelan lawatan penyelidikan. Hal ini ditambah dengan perubahan dalam struktur kepimpinan di peringkat kampung. Kampung yang dipilih untuk sesi FGD mengalami peralihan kepimpinan di mana ketua kampung yang dilantik merupakan individu baru. Perubahan ini memberi kesan terhadap penglibatan ketua kampung dalam sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD). Ketua kampung yang baru dilantik tidak mempunyai persediaan atau pengetahuan yang mencukupi mengenai objektif dan proses kajian, yang menyebabkan keterlibatan mereka dalam sesi FGD agak terhad.

Untuk mengatasi kekangan yang timbul, pasukan penyelidik telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sesi FGD tambahan di kawasan Parlimen Putatan pada 28 April 2025. Penambahan sesi FGD ini melibatkan tiga kampung, dengan dua sesi FGD dan satu temu ramah berfokus yang dijalankan di kawasan DUN Petagas. Pemilihan kampung tersebut adalah berdasarkan kepada tujuh buah kampung yang telah dihubungi, namun hanya tiga ketua kampung yang memberikan maklum balas positif dan bersedia untuk menyertai serta memfasilitasi pelaksanaan sesi FGD. Langkah ini diambil bagi memastikan penglibatan komuniti yang lebih meluas dan mendapatkan input yang lebih menyeluruh untuk kajian ini.

Selain itu, satu lagi kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan pelaksanaan kajian yang berlangsung semasa bulan Ramadan. Sepanjang tempoh ini, tahap keterlibatan komuniti menjadi lebih terhad, terutamanya kerana kebanyakan penduduk memberi tumpuan untuk berehat di rumah. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh suhu panas semasa sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) yang diadakan pada waktu siang. Kekangan waktu dan keadaan ini telah memaksa pasukan penyelidik untuk menyusun

semula jadual lawatan serta mengadaptasi pendekatan yang lebih fleksibel dari segi masa dan kaedah pelaksanaan sesi lapangan. Walaupun demikian, sesi FGD tetap diteruskan dengan kehadiran peserta yang memenuhi syarat minimum, iaitu sekurang-kurangnya lapan orang, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kajian.

2.4 Keterbatasan Kajian

Salah satu kekangan utama yang dihadapi dalam pelaksanaan program pemetaan isu di Parlimen Kota Putatan adalah kesukaran dalam memperoleh data profil kawasan parlimen yang terkini. Kekurangan kajian terdahulu yang mencukupi juga membatasi ketersediaan data sekunder yang diperlukan untuk analisis awal. Keadaan ini menyukarkan pasukan penyelidik dalam mendapatkan gambaran terkini yang menyeluruh mengenai keadaan sosio-ekonomi di kawasan Parlimen Putatan, yang seterusnya menghalang usaha untuk membuat penilaian yang lebih tepat terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti. Di samping itu, pasukan penyelidik juga berdepan dengan keterbatasan dalam memasuki kesemua kampung di kawasan parlimen Putatan. Faktor logistik, kewangan, serta kekangan masa telah membataskan keupayaan untuk melibatkan setiap kampung dalam kajian ini. Walaupun usaha telah dilakukan untuk menghubungi dan melibatkan sebanyak mungkin kampung, beberapa kawasan yang seharusnya diberi perhatian tidak dapat dijelajahi sepenuhnya. Kekangan ini seterusnya menyukarkan usaha untuk memperoleh data yang lebih komprehensif dan representatif bagi seluruh kawasan Parlimen Putatan.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran ekonomi dan keusahawanan komuniti	- Golongan suri rumah dan ibu tunggal menghadapi kesukaran untuk menjana pendapatan sendiri dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami atau ahli keluarga lain. - Peniaga kecil berdepan kesulitan dalam mendapatkan lesen	Ekonomi	Suri rumah Peniaga kecil Suri rumah, ibu tunggal Nelayan Penduduk luar bandar	Kg Torong Logong, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Lok Bonu, Kg Dumpil Kg Dumpil Keramat, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu Kg Muhibbah, Kg Meruntum	Matlamat 1:Tiada Kemiskinan Sasaran 1.1: Menjelang 2030, menghapuskan kemiskinan tegar bagi semua orang di mana-mana sahaja, pada masa ini diukur sebagai orang yang hidup dengan kurang daripada AS\$1.90 sehari Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang bersesuaian secara nasional untuk semua, dan menjelang 2030, mencapai liputan yang besar kepada golongan miskin dan rentan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan, terutamanya disebabkan ketiadaan premis fizikal yang tetap. Kekangan ini menghalang mereka daripada menjalankan perniagaan secara sah dan berdaftar. • Terdapat kekurangan program pembangunan keusahawanan serta latihan kemahiran yang khusus untuk membantu golongan suri			Kg Sembulan Lama, Kg Muhibbah	Matlamat 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Prasarana Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantai nilai dan pasaran

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		rumah dan ibu tunggal. • Prosedur permohonan lesen bot yang rumit menjadi penghalang kepada nelayan untuk beroperasi secara sah. Akibatnya, terdapat sebilangan besar bot nelayan yang beroperasi tanpa lesen yang sah. • Kadar kenaikan gaji tidak seiring dengan peningkatan harga barang keperluan asas, menyebabkan tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		dalam kalangan penduduk.				
2	Cabaran pengurusan alam sekitar	- Ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal yang teratur telah menyebabkan longgokan sampah berlaku secara berterusan di kawasan kediaman, menimbulkan pencemaran alam sekitar dan ketidakselesaan kepada penduduk. - Sampah-sarap yang tidak dikendalikan dengan baik sering dihanyutkan oleh air pasang ke kawasan perumahan. - Penduduk terpaksa	Alam sekitar	Penduduk luar bandar Penduduk atas air	Kg Tanjung Aru Lama Kg Dumpil Kg Torong Logong Kg Meruntum Kg Serigai Kg Muhibbah Kg Lok Bonu Kg Talang Taun	Matlamat 3: Kehidupan Sihat dan Sejahtera Sasaran 3.9: Mengurangkan kematian dan penyakit akibat pencemaran udara, air dan tanah. Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk per kapita akibat bencana termasuk berkaitan air, dengan memberi tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan mereka yang terdedah. Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan negatif alam sekitar bandar per kapita, termasuk dengan memberi tumpuan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menanggung sendiri kos kutipan sampah kerana kawasan mereka tidak termasuk dalam liputan perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh pihak Majlis Daerah Putatan. Sebilangan penduduk, termasuk warga asing, didapati membuang sampah ke dalam laut dan di bawah rumah, yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar serta menjejaskan imej kawasan tersebut.			Kg Ulu Putatan	kepada pengurusan sisa pepejal domestik. Matlamat 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim Sasaran13.1: Memperkukuhkan daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri semua negara terhadap bahaya berkaitan iklim dan bencana alam.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		• Terdapat pembinaan rumah secara tidak sah di kawasan rizab perparitan (rumah setinggan), yang menyebabkan sistem saliran menjadi tersumbat dan seterusnya meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat. • Parit yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan air bertakung dan banjir apabila hujan lebat. Keadaan ini bertambah buruk apabila terdapat rumah yang dibina di atas parit, sekali gus menyekat				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		aliran air dan menjejaskan sistem perparitan secara keseluruhan.				
3	Kekurangan sokongan, penjagaan dan aktiviti sosial warga emas	- Tiada program latihan yang mencukupi bagi melahirkan penjaga (caregiver) yang kompeten dan terlatih dalam memberikan penjagaan holistik kepada warga emas. - Terdapat kekurangan pusat penjagaan warga emas yang memenuhi keperluan berasaskan syariah, seperti kemudahan ibadah, pemakanan	Sosial	Warga emas Pesara	Rumah orang tua-tua Kanaan Home Kg Talang Taun	Matlamat 3: Kehidupan Sihat dan Sejahtera Sasaran 3.4: Mengurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang akibat penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan. Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti Sasaran 4.4: Meningkatkan bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional, termasuk kemahiran untuk pekerjaan yang baik dan keusahawanan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		halal, dan penjaga yang seagama. • Industri penjagaan warga emas tidak menarik minat tenaga kerja tempatan kerana kadar gaji yang rendah dan beban kerja yang tinggi serta mencabar. • Tidak semua rumah penjagaan warga emas didaftarkan secara rasmi atau memenuhi piawaian minimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan. • Rumah penjagaan yang dikendalikan oleh NGO atau komuniti tempatan				Matlamat 5: Kesaksamaan Gender Sasaran 5.4: Mengiktiraf dan menghargai kerja penjagaan yang tidak dibayar, melalui penyediaan perkhidmatan awam, dasar perlindungan sosial dan infrastruktur yang sesuai. Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjamin akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang selamat, berpatutan dan inklusif, khususnya untuk kumpulan rentan termasuk warga emas

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		sering menghadapi kekangan kewangan kerana bergantung kepada sumbangan awam dan bantuan kerajaan yang tidak mencukupi atau tidak tetap. Sebahagian pesara yang berminat untuk terus aktif secara ekonomi dalam bidang seperti pertanian kecil-kecilan, kraftangan, atau perniagaan kecil, tidak mendapat sokongan dari segi modal, latihan mahupun akses kepada pasaran.				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4	Kekurangan PPR dan pertumbuhan setinggan	- Terdapat kesukaran dalam memperoleh tanah yang sesuai bagi tujuan pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), sekali gus menjejaskan pelaksanaan projek perumahan tersebut. - Cadangan projek perumahan mampu milik sering tertangguh akibat pelbagai isu termasuk kelemahan dalam perancangan, kekangan peruntukan kewangan, serta	Sosial	Penduduk pinggir bandar	Kg Sembulan Lama Kg Tanjung Aru Lama Kg Muhibbah Kg Dumpil Kg Serigai	Matlamat 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4: Menjamin bahawa semua golongan, terutama yang miskin dan terpinggir, mempunyai akses yang sama kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas, pemilikan tanah, dan bentuk kekayaan lain termasuk perumahan. Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan Sasaran 10.2: Memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, bangsa, status migran atau ekonomi. Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjamin akses kepada perumahan yang

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		halangan birokrasi. - Kemasukan penduduk dari kawasan pedalaman dan luar bandar ke Putatan semakin meningkat disebabkan oleh kedudukannya yang strategik serta berhampiran dengan pusat ekonomi, sekali gus memberi tekanan kepada keperluan perumahan. - Kemasukan pendatang tanpa izin yang mencari penempatan sementara atau kekal telah menyumbang				selamat, berpatutan dan inklusif serta perkhidmatan asas bagi semua menjelang 2030. Sasaran 11.3: Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar secara inklusif dan mampan melalui penyertaan komuniti.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kepada peningkatan rumah setinggan yang dibina tanpa plan atau kelulusan, sekali gus menimbulkan pelbagai masalah sosial termasuk kecurian air dan elektrik. - Jumlah unit rumah PPR yang terhad tidak dapat menampung permintaan yang tinggi, menyebabkan ramai penduduk terpaksa menyewa atau membina rumah setinggan secara tidak sah. - Golongan muda				

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang baru berkahwin serta keluarga besar terpaksa tinggal bersama dalam kediaman yang kecil dan padat, yang menjejaskan keselesaan serta kualiti hidup mereka.				
5	Keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam	• Ketiadaan klinik kesihatan atau klinik bergerak di kawasan Pulau Gaya • Kesesakan Klinik Kesihatan Putatan dan saiz kemudahan yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit yang meningkat.	Sosial	Penduduk kampung	Kg Torong Logong Kg Tanjung Aru Lama Kg Sembulan Lama Kg Muhibbah Kg Dumpil Keramat	Matlamat 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan Sasaran 3.8: Mencapai liputan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan kesihatan asas yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan serta vaksin yang selamat, berkesan, berkualiti dan mampu milik.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		• Penduduk sering mengalami gangguan bekalan air dan elektrik. • Jalan kampung yang sempit menyukarkan pergerakan keluar masuk kenderaan, termasuk lori pengangkut sampah. • Kekurangan tempat meletak kenderaan menyebabkan berlakunya parkir berganda (<i>double park</i>) yang menghalang laluan kenderaan lain. • Ketiadaan balai raya, dewan serbaguna, atau gelanggang sukan			Kg Serigai Kg Meruntum Kg Talang Taun Kg Ulu Putatan Kg Lok Bonu	Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.1: Menjamin akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan mampu milik. Sasaran 6.4: Menambah kecukupan penggunaan air merentasi semua sektor dan memastikan bekalan air yang mampan. Matlamat 7: Tenaga Mampu Milik dan Bersih Sasaran 7.1: Menjamin akses sejagat kepada perkhidmatan tenaga moden yang mampu milik, boleh dipercayai dan mampan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menyukarkan pelaksanaan aktiviti penduduk kampung. • Ketiadaan jejantas pejalan kaki di kawasan yang berisiko tinggi berlaku kemalangan.				

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg Torong Logong Tarikh: 2 Mac 2025 Bilangan peserta: 18 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Air Negeri Sabah 2. Pejabat Pendidikan Daerah Penampang 3. Pejabat Daerah Putatan 4. Jabatan Pengairan dan Saliran 5. Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Isu utama yang dibangkitkan oleh peserta FGD adalah kekurangan bekalan air bersih di Pulau Gaya, yang dianggap sangat kritikal. Keadaan ini berlaku kerana sistem paip sedia ada tidak lagi berfungsi dengan baik, sama ada disebabkan kegagalan teknikal atau pengurusan yang tidak amanah, menyebabkan penduduk terpaksa bergantung kepada air perigi yang hanya sesuai untuk mencuci dan menyiram, tetapi tidak boleh diminum. Akibatnya, penduduk terpaksa membeli air dari darat yang dibawa menggunakan kapal atau perahu dengan kos yang jauh lebih tinggi satu drum 200 liter berharga RM8, berbanding	Jabatan Air Negeri Sabah: Masalah kekurangan air di Kota Kinabalu termasuk Putatan berpunca daripada pertambahan penduduk dan pembangunan, sedangkan kapasiti loji sedia ada belum ditingkatkan. Bagi mengatasi isu ini, tambahan 5 ML bekalan dari Loji Kasigui USS dijangka pada Jun dan 10 ML lagi dari Loji Kokopon pada Ogos, sebahagiannya untuk Putatan. Namun, sambungan haram di kawasan perkampungan tidak sah seperti Sembulan Lama terus menjejaskan kestabilan bekalan. Pemantauan serta pemotongan sambungan dilakukan dari semasa ke semasa, manakala penduduk dimaklumkan lebih

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		harga air bersih di bandar yang jauh lebih rendah. Kesan daripada masalah ini adalah beban ekonomi tambahan kepada penduduk, kesukaran mendapatkan air bersih untuk kegunaan harian, dan ketidakselesaan dalam aktiviti asas seperti memasak, membasuh, dan menjaga kebersihan, menjadikan isu air sebagai masalah kritikal di pulau tersebut.	awal tentang sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan.
		Isu utama yang dibangkitkan adalah kekurangan akses kepada kemudahan kesihatan, khususnya tiadanya klinik bergerak yang melawat Pulau Gaya. Masalah ini berlaku kerana semua perkhidmatan kesihatan berpusat di bandar, memaksa penduduk yang sakit atau wanita bersalin untuk menempuh perjalanan jauh menggunakan bot ke bandar, yang menyusahkan dan berisiko. Kesan daripada situasi ini termasuk kesukaran mendapatkan rawatan tepat pada masanya, peningkatan risiko komplikasi kesihatan, beban fizikal dan kewangan kepada penduduk, serta perasaan diabaikan oleh pihak berkuasa, menyebabkan motivasi untuk menyuarakan keperluan mereka berkurangan.	Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan: Isu kesihatan di Putatan semakin kritikal dengan jumlah penduduk melebihi 80,000 orang dan dijangka terus bertambah akibat pembangunan baharu. Klinik Putatan terlalu padat, manakala Klinik Desa Petagas tidak boleh diperluaskan, sekali gus meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit. Pejabat Kesihatan Putatan telah membawa isu ini kepada pihak berwajib dan mencadangkan pembinaan tiga klinik tambahan serta sebuah hospital, dengan pemaju projek turut diminta menyediakan tanah. Selain itu, kekurangan tenaga kerja kesihatan dan keperluan teknologi perubatan moden turut menjadi cabaran dalam memastikan perkhidmatan rawatan yang lebih baik.
2.	Kekangan kemiskinan dan	Isu utama yang dibangkitkan dalam transkrip ini ialah keciciran pendidikan akibat kekangan hidup	Pejabat Pendidikan Daerah Penampang: Isu pendidikan di Penampang dan Putatan melibatkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	keciciran pendidikan	dan kemiskinan di kalangan penduduk. Masalah berlaku kerana ramai keluarga tidak mampu menanggung kos pendidikan anak-anak, termasuk yuran sekolah dan keperluan lain, menyebabkan sebahagian pelajar terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja membantu keluarga. Walaupun dasar kerajaan menekankan bahawa semua kanak-kanak perlu bersekolah, realiti di lapangan menunjukkan ramai kanak-kanak masih tercicir daripada sistem pendidikan. Kesan daripada masalah ini termasuk kehilangan peluang pendidikan, perpindahan generasi keluar dari arus pembangunan, dan pengekalan kemiskinan berterusan kerana anak-anak tidak mendapat ilmu dan kemahiran yang mencukupi untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.	beberapa cabaran utama. Pendaftaran murid asing ke sekolah kerajaan sukar kerana syarat dokumen yang ketat, manakala terdapat juga murid tidak bersekolah akibat sikap ibu bapa yang kurang peka, walaupun pendidikan rendah adalah wajib dan boleh dikenakan denda. Dari aspek pembangunan pelajar, sekolah menyediakan sesi kaunseling dan promosi institusi pendidikan tinggi untuk membantu murid merancang hala tuju selepas SPM. Namun, dari segi pengurusan, PPD Penampang menanggung 35 sekolah dengan lebih 25,000 murid, manakala Putatan mempunyai 12 sekolah dengan hampir 12,000 murid. Cadangan menubuhkan PPD khusus di Putatan wujud bagi meringankan beban, tetapi belum dianggap keperluan mendesak oleh pihak berkuasa.
4.	Isu penggazetan tanah	Isu yang dibangkitkan adalah ketiadaan penggazetan rasmi bagi Kampung Torong Logong di Pulau Gaya, walaupun perkampungan ini telah wujud lebih daripada 50 tahun. Masalah berlaku kerana pihak berkuasa tidak mengambil kira permintaan penduduk untuk pengiktirafan kampung secara rasmi, walaupun penduduk berulang kali menyuarakan keperluan ini dalam pelbagai perjumpaan. Akibat daripada ketiadaan	Pejabat Daerah Putatan: Beberapa kawasan di Putatan seperti Kampung Muhibbah, Kampung Seri Pandan, Kampung Contoh, dan Kampung Petagas telah dijadikan rizab kampung. Proses ini hanya melibatkan tanah kerajaan yang didiami penduduk asal dan perlu melalui kelulusan mesyuarat LUC sebelum diwartakan oleh Jabatan Tanah. Pewartaan ini bertujuan mengiktiraf penempatan asal serta mengatasi isu kepadatan dan kekurangan kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		status rasmi, penduduk menghadapi ketidakpastian terhadap hak dan status tanah, kesukaran dalam merancang pembangunan serta penyediaan kemudahan asas, dan perasaan diabaikan walaupun kampung ini adalah tapak kehidupan mereka serta pusara keluarga mereka. menetap di kawasan tersebut.	penempatan di Putatan. Selain itu, LUC juga membincangkan pewartaan tanah perkuburan bagi memastikan perancangan guna tanah lebih teratur.
5.	Pencemarah sampah di Pulau Gaya	Isu utama yang dibangkitkan adalah pencemaran sampah di Pulau Gaya, yang walaupun kelihatan tidak terlalu teruk kerana penduduk masing-masing membersihkan kawasan sendiri, sebenarnya berpunca bukan sepenuhnya dari penduduk pulau tetapi juga dibawa dari bandar melalui sungai ketika air pasang. Masalah berlaku kerana sampah luar ini terkumpul di pulau, menjadikan penduduk tempatan sebagai sasaran kritikan walaupun mereka sudah berusaha menjaga kebersihan.	Jabatan Pengairan dan Saliran: Masalah sampah di Putatan berpunca daripada pembuangan oleh penduduk perumahan dan setinggan yang mencemar sungai serta menimbulkan bau busuk. Walaupun JPS memasang perangkap sampah dan membuat kutipan berkala, sampah tetap masuk melalui parit kecil di luar kawalan mereka. Kekangan timbul kerana JPS tiada kuasa penguatkuasaan terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya menjadi beban kontraktor JPS. Penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara.
6.	Kekangan aktiviti tradisi nelayan dan	su utama yang dibangkitkan adalah kesukaran generasi nelayan di Pulau Gaya untuk	<i>Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	keterbatasan peluang ekonomi di Pulau Gaya	meneruskan aktiviti tradisional mereka akibat sekatan dari pihak berkuasa dan kawasan perlindungan seperti Taman-Taman Sabah dan Taman Tunku Abdul Rahman. Masalah berlaku apabila penduduk tidak dibenarkan memancing, memukat, atau mencari hasil laut lain di pesisiran pantai dan laut berdekatan, termasuk rampasan perahu dan penghalauan semasa menjalankan aktiviti nelayan. Kesan daripada situasi ini termasuk kehilangan identiti sebagai nelayan tradisional, keterbatasan peluang ekonomi bagi penduduk tempatan, dan kesukaran mencari sumber pendapatan alternatif kerana tanah tidak sesuai untuk pertanian serta ketiadaan air tawar untuk penyiraman, menimbulkan tekanan ekonomi dan sosial kepada komuniti.	

Jadual 5 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg Sembulan Lama Tarikh: 2 Mac 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Air Negeri Sabah 2. Jabatan Pengairan dan Saliran
1.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik Kekangan akses elektrik dan pencurian sumber	Isu utama yang dibangkitkan adalah ketidakstabilan bekalan air di kawasan penduduk, termasuk tekanan air yang rendah, gangguan berterusan, dan ketiadaan air pada waktu tertentu. Masalah berlaku kerana sistem bekalan air tidak mampu mengekalkan tekanan yang stabil, menyebabkan air datang secara on-off dan tidak menentu.	Jabatan Air Negeri Sabah: Masalah kekurangan air di Kota Kinabalu termasuk Putatan berpunca daripada pertambahan penduduk dan pembangunan, sedangkan kapasiti loji sedia ada belum ditingkatkan. Bagi mengatasi isu ini, tambahan 5 ML bekalan dari Loji Kasigui USS dijangka pada Jun dan 10 ML lagi dari Loji Kokopon pada Ogos, sebahagiannya untuk Putatan. Namun, sambungan haram di kawasan perkampungan tidak sah seperti Sembulan Lama terus menjejaskan kestabilan bekalan. Pemantauan serta pemotongan sambungan dilakukan dari semasa ke semasa, manakala penduduk dimaklumkan lebih awal tentang sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan.
		Isu utama yang dibangkitkan ialah kesukaran penduduk mendapatkan bekalan elektrik secara rasmi, walaupun ada yang memohon atau meminjam untuk tujuan ini, permohonan mereka tidak diluluskan. Masalah berlaku kerana sebahagian penduduk yang menghadapi	<i>Agensi berkaitan tidak hadir di dalam sesi dialog.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kesukaran ini terpaksa menggunakan cara tidak sah untuk mendapatkan elektrik atau air, termasuk mencuri karan atau bekalan.	
4.	Kesukaran nelayan dalam mendapatkan lesen akibat perubahan sistem, keperluan lesen untuk keselamatan dan penguatkuasaan.	Nelayan di kawasan ini menghadapi kesulitan dalam proses mendapatkan lesen perahu. Dahulu, pihak berkuasa seperti UPNK turun sendiri ke kampung untuk melakukan pemeriksaan, pengukuran, dan pengesahan perahu nelayan. Namun kini, semua urusan perlu dilakukan di Kota Kinabalu, menyebabkan nelayan terpaksa menanggung kesulitan, terutama ketika musim ribut atau apabila mereka tidak berpeluang meninggalkan kerja harian. Perubahan prosedur ini membebankan, bukan sahaja di satu kampung tetapi di seluruh kawasan seperti Pasir Putih dan Kinarut. Nelayan berharap agar sistem lama dikembalikan, di mana pegawai datang terus ke kampung untuk menjalankan pemeriksaan. Selain itu, mereka menekankan pentingnya memiliki lesen perahu kerana kerap ada pemeriksaan oleh pihak Marin, ESCOM, dan Jabatan Laut semasa mereka ke laut.	Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) : Isu utama yang dihadapi nelayan di Putatan ialah keperluan untuk memiliki dua jenis lesen iaitu lesen bot di bawah Jabatan Laut dan lesen perikanan di bawah Jabatan Perikanan Sabah, yang menyebabkan nelayan perlu berurusan dengan lebih daripada satu agensi. Jabatan Perikanan kini lebih menumpukan kepada aspek kebajikan seperti program sokongan termasuk pelepasan ikan siakap dan penyediaan tukun tiruan mengikut permintaan komuniti, manakala pengurusan jeti kini di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000 telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.
5.	Kerosakan perparitan dan cabaran hak tanah yang menjejaskan usaha pembaikan dan naik taraf.	Penduduk turut mengutarakan isu berkaitan sistem perparitan. Parit di kawasan berhampiran dewan didapati sudah pecah-pecah dan rosak, lebih-lebih lagi dengan keadaan tepi jalan yang turut digunakan sebagai kawasan parkir kenderaan. Hal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk baik pulih atau menaik taraf parit tersebut. Namun begitu, terdapat juga cabaran dari segi hak tanah, di mana ada tuan tanah yang tidak memberikan kebenaran untuk pelebaran atau pembinaan semula parit. Walaupun kerajaan ada membantu menyediakan parit sementara bagi mengalirkan air, masalah hak milik ini menghadkan penyelesaian jangka panjang.	Jabatan Pengairan dan Salian: Masalah sampah di Putatan semakin serius walaupun perangkap sampah dipasang dan kutipan berkala dibuat oleh JPS. Punca utama ialah pembuangan sampah dari kawasan perumahan dan setinggan, ditambah dengan kelemahan penguatkuasaan kerana JPS tiada kuasa bertindak terhadap setinggan atau tambakan tanah yang mengganggu aliran air hingga menyebabkan banjir kilat. Sukarelawan ada membantu memasang perangkap, tetapi kutipan sampah tidak konsisten dan akhirnya membebankan kontraktor JPS. Penyelesaian memerlukan kerjasama jangka panjang bersama komuniti dan NGO, kerana tanpa kesedaran masyarakat, usaha kerajaan hanya bersifat sementara.
6.	Penduduk terpaksa menanggung kos tambahan untuk akses air akibat tekanan air rendah.	Penduduk berhadapan dengan masalah kekurangan air bersih sehingga terpaksa membeli dan memasang pam air sendiri untuk mendapatkan bekalan. Walaupun kosnya tinggi, termasuk mencecah hampir RM400, penduduk tetap berusaha mengumpul duit kerana tanpa pam mereka tidak mendapat akses air. Situasi ini menjejaskan keperluan asas harian seperti	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		memasak, mandi, berwuduk, dan kebersihan. Ada juga yang terpaksa membeli air mineral untuk kegunaan seharian. Hasil aduan kepada pihak Jabatan Air mendapati punca masalah adalah tekanan air yang sangat rendah, namun sehingga kini masih belum ada penyelesaian konkrit.	
7.	Perubahan aliran sungai dan kelemahan tindakan penyelenggaraan muara.	Penduduk menghadapi masalah perubahan aliran sungai di kawasan muara akibat banjir, ribut, dan ombak besar yang menyebabkan sungai sering berpindah-pindah alirannya. Keadaan ini menjejaskan aktiviti nelayan, terutama ketika air surut dan ombak kuat kerana sungai menjadi cetek dan sukar dilalui. Penduduk mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah konkrit seperti membina tembok besi di sepanjang hujung pantai dan membuka mulut sungai secara teratur supaya aliran air kekal dalam dan stabil. Walaupun isu ini telah lama dibangkitkan, tindakan kerajaan masih belum ada penyelesaian, malah kerja-kerja pengorekan sungai yang dilakukan sebelum ini disyaki hanya untuk mengambil pasir tanpa menyelesaikan masalah sebenar.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Isu keselamatan komuniti akibat gangguan haiwan liar (anjing dan buaya).	Isu haiwan liar turut menjadi kebimbangan penduduk. Masalah anjing liar sering mengganggu keselamatan kerana anjing-anjing ini bukan sahaja tidak mudah ditangkap, malah ada yang pandai mengelak daripada perangkap. Keadaan bertambah berbahaya apabila anjing-anjing ini berkeliaran di kawasan perumahan, sekolah, dan laluan orang kampung, menyebabkan penduduk takut untuk melalui jalan tertentu. Selain itu, anjing peliharaan yang dilepaskan tanpa kawalan juga menambah risiko kerana boleh menggigit orang dan mengorek sampah. Di samping itu, buaya turut dilaporkan sering muncul di tepi sungai, menimbulkan ancaman besar kepada keselamatan penduduk yang bergantung pada sungai untuk aktiviti harian. Walaupun pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar telah mengambil tindakan menembak beberapa ekor, bilangan buaya masih ramai dan menimbulkan rasa tidak selamat di kalangan masyarakat.	Jabatan Hidupan Harian: Jabatan Hidupan Liar menerima banyak aduan mengenai monyet dan buaya yang menceroboh kawasan kampung; pihak jabatan akan membuat <i>recce</i> ke lokasi, pasang perangkap dan cuba menangkap haiwan tersebut, tetapi menghadapi beberapa kekangan dan keberkesanan yang terhad. Bagi monyet, mereka bergerak berkumpulan, mudah sedar perangkap dan sering tidak makan umpan, serta apabila ditangkap dan dilepaskan semula ke hutan simpan haiwan itu berkemungkinan bergabung semula dengan kumpulan lain — jadi usaha kawalan populasi setakat ini belum ada kaedah yang berkesan. Untuk buaya pula, jabatan memberi tumpuan kepada kawasan awam dengan pemasangan perangkap; jika saiz atau bahaya terlalu besar, tindakan pemusnahan boleh dilaksanakan. Selain itu, kekurangan staf dan sumber menyebabkan respons mengambil masa (pemasangan perangkap ambil masa berminggu-minggu) dan menyukarkan tindak balas pantas, lalu mengekalkan risiko ancaman keselamatan dan gangguan berulang kepada penduduk.
9.	Keperluan perumahan mampu milik (PPR) bagi	Peserta mencadangkan agar lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR) dibina untuk menampung keperluan penduduk setempat.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penduduk berpendapatan rendah.	Pada masa ini, hanya terdapat dua PPR di kawasan Putatan iaitu PPR Keramat dan PPR Serigai. Menurut mereka, PPR Keramat khususnya menempatkan ramai penduduk asal Putatan, manakala PPR Serigai pula merupakan projek yang disambung oleh kerajaan baharu selepas tertangguh. Keperluan rumah mampu milik ini dilihat penting bagi memberikan peluang kepada lebih ramai keluarga berpendapatan rendah untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan stabil.	
10.	Kos sara hidup tinggi dan cabaran ekonomi golongan rentan.	Peserta meluahkan kebimbangan terhadap kos sara hidup yang semakin tinggi, khususnya harga barangan keperluan yang dianggap sangat mahal. Isu ini memberi tekanan lebih besar kepada golongan rentan seperti ibu tunggal atau balu yang tidak mempunyai sumber pendapatan tetap. Walaupun anak-anak sudah berkeluarga, mereka tidak dapat sepenuhnya membantu. Peserta juga menyatakan bahawa penduduk kampung terpaksa membeli di kedai berhampiran walaupun harga tidak setara dengan kedai besar seperti Speedmart, kerana faktor usia dan kesulitan untuk berjalan jauh. Situasi ini	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyebabkan masyarakat kampung menghadapi kesukaran untuk menguruskan perbelanjaan harian dalam keadaan ekonomi yang menekan.	

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kg Lok Bonu Tarikh: 28 April 2025 Bilangan peserta: 10 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam tiga kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran 2. Jabatan Air Negeri Sabah 3. Pejabat Kesihatan Kawasan Putatan
1	Bencana banjir	Peserta FGD menjelaskan bahawa setiap kali hujan lebat, walaupun hanya dalam tempoh singkat, kampung mereka pasti dilanda banjir. Keadaan ini berlaku hampir setiap tahun dan menyebabkan kerosakan harta benda seperti perabot dan struktur rumah, termasuk almari serta pintu yang rosak akibat air. Penduduk juga menyatakan bahawa mereka sudah tidak lagi melakukan pembaikan seperti mengecat rumah kerana banjir yang kerap menjadikan usaha tersebut sia-sia. Secara keseluruhannya, petikan ini menunjukkan bahawa banjir merupakan masalah utama dan berterusan yang menjejaskan kehidupan serta menimbulkan kerugian besar kepada penduduk setempat.	Jabatan Pengairan dan Saliran: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada, tetapi isu banjir kilat berlaku kerana campur tangan pemilik tanah yang menimbun tanah tanpa mengambil kira aliran air. Sebelum tindakan pemilik tanah, sistem perparitan mencukupi dan berfungsi dengan baik, namun perubahan tanah menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, terdapat kawasan di mana aset JPS rosak tanpa pengetahuan mereka kerana orang awam tidak memahami keperluan sebenar saluran, hanya melihat laluan air secara permukaan tanpa mengambil kira faktor hujan lebat atau air pasang. Masalah ini menunjukkan bahawa perubahan oleh pihak ketiga tanpa koordinasi boleh menjejaskan keberkesanan sistem perparitan.
2	Tiada sistem kemudahan asas	Peserta FGD menerangkan bahawa tekanan air sangat lemah dan bekalan air hanya keluar pada	Jabatan Air Negeri Sabah: Masalah kekurangan air di Kota Kinabalu termasuk Putatan berpunca

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	dan perkhidmatan yang baik	waktu tengah malam, menyebabkan penduduk terpaksa berjaga sehingga larut malam untuk menadah air. Situasi ini menjejaskan aktiviti harian seperti memasak, mandi, dan membersihkan diri. Penduduk juga menyatakan bahawa walaupun mereka membayar bil air setiap bulan, bekalan air sering terputus dan hanya penuh beberapa kali dalam sebulan, menunjukkan ketidakstabilan bekalan yang berpanjangan. Secara keseluruhannya, petikan ini menggambarkan bahawa gangguan bekalan air bersih merupakan masalah utama yang menjejaskan kesejahteraan dan rutin harian penduduk kampung.	daripada pertambahan penduduk dan pembangunan, sedangkan kapasiti loji sedia ada belum ditingkatkan. Bagi mengatasi isu ini, tambahan 5 ML bekalan dari Loji Kasigui USS dijangka pada Jun dan 10 ML lagi dari Loji Kokopon pada Ogos, sebahagiannya untuk Putatan. Namun, sambungan haram di kawasan perkampungan tidak sah seperti Sembulan Lama terus menjejaskan kestabilan bekalan. Pemantauan serta pemotongan sambungan dilakukan dari semasa ke semasa, manakala penduduk dimaklumkan lebih awal tentang sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan.
		Menurut peserta FGD, bekalan elektrik sering terputus sama ada pada waktu siang atau malam, biasanya dalam tempoh beberapa jam seperti dari jam 8 malam hingga 12 tengah malam, atau dari 12 tengah malam hingga 5 pagi. Gangguan ini dilaporkan berlaku sekitar dua kali seminggu, menjejaskan aktiviti harian penduduk serta menimbulkan ketidakselesaan, terutamanya pada waktu malam.	<i>Agensi yang berkaitan tidak hadir</i>
		Peserta FGD menjelaskan bahawa sebahagian penduduk membuang sampah di kawasan pekan,	<i>Agensi yang berkaitan tidak hadir</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		manakala ada yang membuangnya di kawasan sungai (kailan) atau membakar sampah sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem pelupusan sisa pepejal yang terancang dan berkesan masih belum wujud, menyebabkan penduduk mengambil inisiatif sendiri untuk membuang sampah mengikut keselesaan masing-masing.	
		Peserta FGD menerangkan bahawa penduduk memohon agar sebuah balai raya kecil atau mini balai raya dibina bagi menampung keperluan mereka. Hal ini kerana setiap kali masyarakat ingin berkumpul atau mengadakan mesyuarat, tiada tempat khusus untuk berhimpun. Oleh itu, pembinaan balai raya dianggap penting sebagai ruang pertemuan dan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan, sekali gus memperkukuh hubungan sosial serta memudahkan urusan bersama dalam komuniti.	<i>Agensi yang berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Kg Ulu Putatan Tarikh: 28 April 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam tiga kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Putatan 2. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 3. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan 4. Jabatan Pengairan dan Saliran 5. Jabatan Air Negeri Sabah:
1.	Kekurangan kawasan penempatan dan isu tanah untuk perumahan penduduk kampung	Peserta FGD menjelaskan bahawa kawasan kampung yang kecil menyebabkan penduduk tidak mempunyai tanah mencukupi untuk mendirikan rumah baharu. Oleh itu, mereka berharap agar disediakan kawasan khas bagi pembangunan penempatan baharu yang dapat menampung keperluan perumahan penduduk setempat.	Pejabat Daerah Putatan: Putatan menghadapi kekurangan tapak tanah untuk pembinaan perumahan PPRT. Permasalahan ini telah dibawa oleh Ahli Parlimen Putatan untuk dimasukkan di dalam peruntukan.
2.	Cabaran peniaga	Peniaga kecil tidak mempunyai tempat jualan dan kekurangan modal dari segi peralatan. Mereka juga mempunyai pendapatan terhad kerana hanya bergantung kepada tempahan.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Kekurangan peralatan dan pengetahuan akses bantuan dalam	Peserta menjelaskan bahawa mereka hanya mampu menangkap ikan di kawasan pantai kerana tidak memiliki enjin dan perahu besar untuk ke laut dalam yang lebih berpotensi. Selain	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kalangan nelayan kecil	itu, mereka juga tidak tahu cara memohon bantuan seperti melalui program e-Kasih, menyebabkan sumber pendapatan mereka terhad untuk menyara keluarga. Kekurangan pukot, enjin, perahu, dan minyak turut membebankan mereka sehingga ada yang terpaksa berhenti menjadi nelayan.	tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000 telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.
4.	Tiada sistem kemudahan asas dan perkhidmatan yang baik	Peserta menjelaskan bahawa penduduk tidak mempunyai tempat khusus untuk membuang sampah, menyebabkan mereka terpaksa membuangnya di sekitar kawasan kedai atau tempat yang sedia menerima. Namun, pembuangan sampah di sungai dilarang dan boleh dikenakan saman, selain menyebabkan masalah seperti saluran air tersumbat. Situasi ini menggambarkan ketiadaan kemudahan asas yang mencukupi bagi pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Peserta menjelaskan bahawa ketiadaan tempat meletak kenderaan yang mencukupi	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyebabkan perselisihan antara penduduk kerana kawasan meletak kenderaan dianggap terhad dan tidak teratur. Selain itu, kawasan kampung yang sempit menjadikan parkir kenderaan sukar dan berisiko, terutamanya semasa kecemasan seperti kebakaran, apabila kenderaan bomba tidak dapat memasuki kawasan tersebut. Isu ini menonjolkan keperluan perancangan infrastruktur yang lebih baik untuk kemudahan awam di kampung.	
5.	Kesan projek tibetan banjir yang gagal mengurangkan risiko banjir	Peserta FGD menjelaskan bahawa selepas projek tibetan banjir dilaksanakan, keadaan menjadi lebih buruk berbanding sebelumnya. Sebelum projek dijalankan, walaupun hujan lebat, air jarang memasuki rumah. Namun kini, selepas projek siap, kawasan kampung sering dilanda banjir dengan cepat sehingga menyebabkan kerosakan perabot dan harta benda seperti karpet, kabinet, dan katil. Situasi ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang merasakan projek tersebut gagal mencapai tujuan asal untuk mengurangkan risiko banjir.	Jabatan Pengairan dan Saliran: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada, tetapi isu banjir kilat berlaku kerana campur tangan pemilik tanah yang menimbun tanah tanpa mengambil kira aliran air. Sebelum tindakan pemilik tanah, sistem perparitan mencukupi dan berfungsi dengan baik, namun perubahan tanah menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, terdapat kawasan di mana aset JPS rosak tanpa pengetahuan mereka kerana orang awam tidak memahami keperluan sebenar saluran, hanya melihat laluan air secara permukaan tanpa mengambil kira faktor hujan lebat atau air pasang. Masalah ini menunjukkan bahawa perubahan oleh pihak ketiga tanpa

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			koordinasi boleh menjejaskan keberkesanan sistem perparitan.

Jadual 14. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama Kepimpinan Kampung Talang Taun Tarikh: 28 April 2025 Bilangan peserta: 15 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran
1.	Ketiadaan sistem perparitan terancang dan kesan terhadap banjir kilat	Peserta FGD menerangkan bahawa sebelum ini, walaupun hujan lebat, air tidak mudah naik. Namun, akibat pembangunan yang tidak terancang dan ketiadaan sistem perparitan (irrigation system) yang berkesan, air kini sering melimpah hingga menyebabkan banjir di kawasan rumah. Masalah menjadi lebih rumit apabila terdapat pertikaian antara jiran mengenai sempadan tanah yang menghalang pembinaan parit baharu. Selain itu, aktiviti menimbus tanah ketika membina rumah juga menutup laluan air semula jadi, menyebabkan air bertakung dan tidak dapat mengalir keluar. Isu ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap perancangan semula dan pembinaan sistem perparitan yang teratur serta kerjasama komuniti bagi mengelak banjir berulang	Jabatan Pengairan dan Saliran: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sistem perparitan yang sedia ada, tetapi isu banjir kilat berlaku kerana campur tangan pemilik tanah yang menimbun tanah tanpa mengambil kira aliran air. Sebelum tindakan pemilik tanah, sistem perparitan mencukupi dan berfungsi dengan baik, namun perubahan tanah menyebabkan aliran air terganggu dan meningkatkan risiko banjir. Selain itu, terdapat kawasan di mana aset JPS rosak tanpa pengetahuan mereka kerana orang awam tidak memahami keperluan sebenar saliran, hanya melihat laluan air secara permukaan tanpa mengambil kira faktor hujan lebat atau air pasang. Masalah ini menunjukkan bahawa perubahan oleh pihak ketiga tanpa koordinasi boleh menjejaskan keberkesanan sistem perparitan.
2.	Tiada sistem kemudahan asas	Kawasan kampung tidak mempunyai tapak pembuangan sampah yang tersedia. Keadaan	<i>Agensi berkaitan (Majlis Daerah Tuaran) tidak hadir.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	dan perkhidmatan yang baik	jalan kampung yang sempit juga menyukarkan lori sampah masuk untuk mengutip sampah.	
		Jalan kampung yang sempit dan bahu jalan yang rosak.Keadaan jalan kampung yang sempit ini menyukarkan keluar masuk kenderaan yang sering bertembung di jalan sempit.	<i>Agensi berkaitan tidak hadir.</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: *Cabaran ekonomi dan keusahawanan komuniti*

Daerah Putatan, yang terletak di pinggir bandar Kota Kinabalu, merupakan kawasan yang sedang pesat membangun dari segi infrastruktur dan kepadatan penduduk. Namun begitu, di sebalik kemajuan fizikal yang berlaku, komuniti setempat masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam aspek ekonomi dan keusahawanan. Isu-isu seperti keterbatasan peluang pendapatan, kekurangan latihan dan sokongan keusahawanan, serta tekanan kos sara hidup memberi kesan langsung kepada kesejahteraan dan kelangsungan hidup masyarakat, khususnya golongan B40.

- **Keterbatasan sumber pendapatan bagi suri rumah dan ibu tunggal**

Salah satu isu utama yang dihadapi oleh komuniti di daerah Putatan ialah keterbatasan sumber pendapatan bagi suri rumah dan ibu tunggal. Ramai dalam kalangan mereka menghadapi kesukaran untuk menjana pendapatan sendiri kerana kekangan masa, tanggungjawab menjaga anak, serta kurangnya peluang ekonomi yang sesuai. Kebanyakan suri rumah terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami, manakala ibu tunggal pula perlu berjuang sendiri untuk menyara keluarga tanpa sokongan kewangan yang mencukupi. Isu ini ketara terutamanya di kawasan seperti Kampung Torong Logong, Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Lok Bonu, dan Kampung Dumpil, di mana peluang pekerjaan adalah terhad dan akses kepada latihan kemahiran atau program keusahawanan masih kurang memadai. Keadaan ini menimbulkan ketidakseimbangan ekonomi dalam komuniti dan menyukarkan usaha ke arah pemberdayaan wanita serta peningkatan taraf hidup keluarga B40.

- **Kekurangan program keusahawanan dan latihan**

Masalah seterusnya ialah kekurangan program keusahawanan dan latihan, terutamanya yang menyasarkan golongan ibu tunggal dan suri rumah. Kekurangan program yang khusus untuk membimbing dan memperkasakan kumpulan ini telah menyebabkan mereka kekal bergantung kepada sumber pendapatan yang terhad, sekali gus menyukarkan usaha untuk menjana pendapatan secara berterusan. Tanpa latihan asas dalam bidang seperti pengurusan perniagaan, kemahiran pemasaran, atau inovasi produk, potensi mereka untuk menjadi usahawan turut terbantut. Masalah ini nyata dirasakan di beberapa kawasan seperti Kampung Torong Logong, Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Lok Bonu, dan Kampung Dumpil, di mana rata-rata penduduknya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang memerlukan sokongan ekonomi jangka panjang.

Permasalahan ini telah mendapat maklum balas daripada agensi berkaitan, iaitu Giatmara dan MARA. Menurut wakil agensi tersebut, Giatmara Putatan kini menawarkan dua kursus sahaja, iaitu Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, serta Jahitan Langsir dan Soft Furnishing. Penyertaan terbuka kepada semua bumiputera berumur 15 tahun ke atas tanpa had umur, termasuk mereka yang kurang lancar membaca. Peserta yang menyertai kursus menerima elaun sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh sembilan bulan. Bagaimanapun, kekangan utama yang dihadapi ialah ketiadaan kemudahan tempat tinggal, yang menyukarkan ramai individu untuk menyertai kursus tersebut. Bagi meningkatkan penyertaan, Giatmara telah menjalankan program turun padang ke kampung-kampung bagi mencari pelajar, namun minat individu masih menjadi faktor penentu.

- **Kesukaran memohon lesen perniagaan**

Cabaran seterusnya ialah kesukaran memohon lesen perniagaan, khususnya dalam kalangan peniaga kecil. Ramai daripada mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dari rumah atau secara bergerak, namun berdepan dengan kesulitan apabila berurusan dengan pihak berkuasa tempatan. Antara cabaran yang sering timbul ialah syarat untuk memiliki premis fizikal tetap sebelum permohonan lesen dapat dipertimbangkan, sedangkan kebanyakan peniaga tidak mampu menyewa atau memiliki premis khusus. Situasi ini bukan sahaja mengehadkan peluang mereka untuk berniaga secara sah, malah turut menjejaskan akses kepada sokongan dan bantuan rasmi yang memerlukan pendaftaran perniagaan. Isu ini dapat dilihat dengan ketara di beberapa kampung seperti Kampung Dumpil Keramat, Kampung Muhibbah, dan Kampung Lok Bonu, di mana ramai penduduk bergantung kepada perniagaan kecil sebagai sumber pendapatan utama.

- **Cabaran komuniti nelayan**

Golongan nelayan di daerah Putatan, khususnya di kawasan seperti Kg Muhibbah, Kg Meruntum dan kampung-kampung sekitar pesisir sungai dan pantai, berdepan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan kelangsungan pekerjaan mereka. Antara cabarannya ialah prosedur yang rumit dan memakan masa untuk mendapatkan lesen bot, menyebabkan ramai nelayan terpaksa beroperasi tanpa lesen yang sah. Keadaan ini bukan sahaja mendedahkan mereka kepada risiko tindakan penguatkuasaan, malah mengehadkan akses mereka kepada bantuan atau subsidi kerajaan. Di samping itu, kemudahan asas seperti jeti nelayan juga tidak diselenggara dengan baik, menjadikannya tidak selamat dan menyukarkan urusan harian seperti memunggah hasil tangkapan. Masalah ini memberi kesan

langsung kepada produktiviti dan pendapatan nelayan setempat, sekaligus menyukarkan usaha untuk memperkukuh ekonomi komuniti pesisir di Putatan.

Pihak berkaitan seperti Jabatan Perikanan Daerah Putatan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengambil perhatian perkara ini dan memberi maklum balas bahawa isu utama yang dihadapi nelayan di Putatan ialah keperluan untuk memiliki dua jenis lesen iaitu lesen bot di bawah Jabatan Laut dan lesen perikanan di bawah Jabatan Perikanan Sabah, yang menyebabkan nelayan perlu berurusan dengan lebih daripada satu agensi. Jabatan Perikanan kini lebih menumpukan kepada aspek kebajikan seperti program sokongan termasuk pelepasan ikan siakap dan penyediaan tukun tiruan mengikut permintaan komuniti, manakala pengurusan jeti kini di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). LKIM pula menyalurkan bantuan kepada nelayan dalam bentuk elaun sara hidup, minyak subsidi, peralatan tangkapan ikan, serta baik pulih rumah, namun bantuan ini hanya boleh diakses oleh nelayan berdaftar yang memiliki bot dan lesen sah. Di Putatan, jeti yang diuruskan LKIM hanya terdapat di Kampung Pasir Putih dengan lebih kurang 80 nelayan berdaftar dan 150 bot, dan sebuah peruntukan RM400,000 telah disalurkan untuk baik pulih jeti tersebut. Walau bagaimanapun, kekangan timbul kerana jeti ini bukan pusat pemeriksaan lesen, sedangkan nelayan perlu memperbaharui dokumen setiap tahun, menjadikan proses ini lebih rumit dan membebankan bagi mereka.

- **Kos sara hidup yang tinggi**

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh penduduk di Daerah Putatan ialah kos sara hidup yang semakin tinggi. Meskipun terdapat kenaikan gaji dalam beberapa sektor, peningkatan tersebut masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga barang keperluan asas seperti makanan, barangan dapur, dan perkhidmatan harian. Keadaan ini memberi kesan ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang terpaksa mengurus perbelanjaan dengan sumber yang terhad. Isu ini sangat dirasakan oleh penduduk di kawasan kampung seperti Kg Sembulan Lama, Kg Muhibbah, dan kampung-kampung lain di sekitar daerah Putatan, di mana sebahagian besar komuniti bergantung kepada pendapatan harian atau pekerjaan tidak tetap. Tekanan ekonomi ini bukan sahaja menjejaskan kualiti hidup, malah turut menyukarkan mereka untuk menabung atau melabur dalam aktiviti keusahawanan bagi menambah pendapatan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Keterbatasan sumber pendapatan bagi suri rumah dan ibu tunggal 2. Kekurangan program keusahawanan dan latihan 3. Kesukaran memohon lesen perniagaan 4. Cabaran golongan nelayan 5. Kos sara hidup yang tinggi
Cadangan	1. Latihan keusahawanan asas untuk suri rumah dan ibu tunggal bagi memulakan perniagaan kecil dari rumah. 2. Kursus kemahiran jangka pendek dan pemasaran digital secara percuma atau bersubsidi. 3. Khidmat bantuan permohonan lesen perniagaan melalui kaunter bergerak atau sesi bimbingan di kampung.
Kumpulan Sasaran	Suri rumah, ibu tunggal, peniaga kecil, nelayan, golongan B40
Kawasan	Kg Torong Logong, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Lok Bonu, Kg Dumpil, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu, Kg Meruntum, Kg Sembulan Lama, Kg Ulu Putatan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Mengurangkan kemiskinan sekurang-kurangnya 50%
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Meningkatkan bilangan orang yang mempunyai kemahiran yang relevan demi kejayaan kewangan
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan dan pasaran

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Cabaran pengurusan alam sekitar

Cabaran pengurusan alam sekitar di kawasan Parlimen Putatan semakin ketara seiring dengan perkembangan pesat kawasan ini sebagai salah satu kawasan pinggir bandar Kota Kinabalu. Dari segi geografi, Putatan merangkumi gabungan kawasan pesisir, kampung tradisional, dan kawasan pembangunan baharu, menjadikannya terdedah kepada pelbagai isu alam sekitar. Peningkatan jumlah penduduk dan pembangunan perumahan yang tidak terkawal telah menyumbang kepada masalah pengurusan sampah yang tidak sistematik, pencemaran air dan udara, serta sistem perparitan yang tidak efisien. Ketiadaan pelan pengurusan alam sekitar yang menyeluruh menyebabkan risiko banjir, bau busuk, dan kemerosotan kualiti hidup penduduk semakin memburuk, memerlukan perhatian segera daripada pihak berkuasa dan penglibatan aktif komuniti setempat.

- **Kekurangan pengurusan sampah yang sistematik**

Kekurangan sistem pengurusan sampah yang sistematik di kawasan Parlimen Putatan menyebabkan longgokan sampah sering terkumpul, terutamanya di kawasan kampung yang tidak termasuk dalam sistem perkadaran Majlis Daerah Putatan dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Di kawasan-kawasan seperti Kg Tanjung Aru Lama, Kg Dumpil, Kg Serigai serta beberapa kawasan lain yang berada di luar had perkadaran, penduduk berdepan dengan cabaran dalam pengurusan sisa pepejal. Walaupun terdapat usaha yang dijalankan oleh komuniti setempat dengan mengumpul dana untuk membayar syarikat pengutipan sampah secara swasta, inisiatif ini kurang berkesan disebabkan terdapat segelintir penduduk yang enggan bekerjasama dan tidak mahu menyumbang bayaran. Keadaan ini secara tidak langsung menyukarkan pelaksanaan sistem pengurusan sampah yang lebih teratur dan berkesan di kawasan tersebut.

Permasalahan ini dipertingkatkan oleh kekurangan kesedaran dalam kalangan penduduk setempat mengenai pengurusan sampah yang baik. Walaupun kaedah pengurusan sampah telah diberi teguran dan panduan, pelaksanaannya masih sukar dikawal. Sebagai contoh, di Kampung Torong Logong, sebahagian penduduk atau penghuni bukan asal kurang kesedaran dalam menjaga kebersihan; terdapat individu yang membuang sampah terus dari rumah dan kadang-kadang menyuruh kanak-kanak untuk membuangnya. Kesan daripada situasi ini termasuk pencemaran kawasan kediaman, peningkatan risiko kesihatan akibat sampah yang terkumpul, kehadiran haiwan seperti anjing, serta menjejaskan usaha komuniti untuk mengekalkan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

- **Pencemaran air, udara dan bau**

Masalah pencemaran air, udara dan bau di kawasan Parlimen Putatan semakin membimbangkan, khususnya di lokasi seperti Kampung Torong Logong Pulau Gaya, Kampung Serigai, Kampung Dumpil, Kampung Dumpil Keramat serta rumah-rumah atas air. Sampah sarap yang dihanyutkan oleh air pasang seringkali terkumpul di kawasan perumahan atas air dan persekitaran kampung, sekali gus mencetuskan pencemaran serius dan risiko kesihatan kepada penduduk. Walaupun terdapat inisiatif penduduk kampung untuk menjaga kebersihan dengan memungut sampah secara berkala, fenomena air pasang yang membawa semula sisa buangan menjadikan usaha ini kurang berkesan. Tambahan pula, sikap segelintir penduduk dan warga asing, termasuk pendatang tanpa izin (PTI), yang membuang sampah ke laut dan ke bawah rumah menyumbang kepada pencemaran yang berterusan. Sikap tidak peduli ini sukar ditegur kerana melibatkan aspek mentaliti dan status penduduk yang tidak sah. Di samping itu, terdapat juga amalan pelupusan sampah melalui pembakaran terbuka oleh sebahagian penduduk kampung, yang menyumbang kepada pencemaran udara dan menjejaskan kualiti hidup masyarakat sekeliling.

Menurut wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Putatan menyatakan kuantiti sampah yang semakin meningkat menimbulkan pencemaran sungai dan bau busuk, walaupun perangkap sampah telah dipasang di beberapa lokasi. Punca utama masalah ini berasal daripada kawasan perumahan dan setinggan. JPS turut melaksanakan kutipan sampah secara berkala dan menyediakan perangkap sampah di saluran utama, namun sampah tetap masuk melalui parit kecil yang berada di luar kawalan mereka.

- **Sistem perparitan yang tidak sistematik dan banjir**

Sistem perparitan yang tidak sistematik di kawasan Parlimen Putatan telah menyumbang kepada masalah banjir kilat yang semakin membimbangkan, khususnya di kampung-kampung seperti Kg Serigai, Kg Dumpil, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu, Kg Talang Taun, dan Kg Ulu Putatan. Salah satu faktor utama yang memburukkan keadaan ialah kewujudan rumah-rumah setinggan yang dibina di atas kawasan rezab perparitan, termasuk di atas parit itu sendiri, sekali gus menyekat aliran air dan menyebabkan saluran tersumbat. Parit yang tidak berfungsi dengan baik pula mengakibatkan air bertakung setiap kali hujan lebat, meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat yang menjejaskan kehidupan harian penduduk. Tambahan pula, lokasi seperti Kg Talang Taun yang terletak di kawasan bekas sawah padi menjadikan kawasan tersebut lebih mudah dinaiki air akibat permukaan tanah yang rendah dan kurang sistem saluran semula jadi. Keadaan ini jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk penambahbaikan sistem

perparitan secara menyeluruh serta pemantauan terhadap pembangunan tidak terkawal yang mengganggu fungsi saluran sedia ada.

Wakil daripada Jabatan Perairan dan Saliran Daerah Putatan menjelaskan bahawa masalah banjir kilat di beberapa kawasan berpunca daripada pembangunan tanah yang tidak mengambil kira sistem perparitan sedia ada. Jabatan sedang melaksanakan proses naik taraf sistem perparitan, di mana saluran asal sebenarnya mencukupi untuk mengalirkan air. Namun, tindakan pemilik tanah yang membuat tambakan untuk tujuan pembangunan tanpa mempertimbangkan aliran air telah menjejaskan fungsi sistem perparitan, seterusnya menyebabkan berlakunya banjir. Tambahan pula, terdapat juga kawasan yang merosakkan aset perparitan tanpa pengetahuan pihak jabatan. Masalah ini berpunca daripada kekurangan pemahaman orang awam mengenai keperluan pengaliran air semasa hujan lebat atau fenomena air pasang, sekali gus menyebabkan mereka beranggapan bahawa laluan sedia ada sudah mencukupi.

Wakil daripada Jabatan Perairan dan Saliran Daerah Putatan turut menjelaskan bahawa mereka menghadapi kekangan kerana pihak JPS tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan, menyebabkan isu setingan yang membuang sampah atau mendirikan rumah di kawasan rizab sukar ditangani tanpa aduan rasmi. Selain itu, banjir kilat kerap berlaku apabila pemilik tanah membuat tambakan tanpa mengambil kira aliran air, sekaligus menjejaskan fungsi sistem perparitan sedia ada. Walaupun terdapat sukarelawan yang membantu memasang perangkap sampah, tiada pihak yang konsisten mengutip sampah, menjadikan beban pengurusan kembali kepada kontraktor JPS. Usaha untuk menangani isu ini memerlukan kerjasama jangka panjang dengan komuniti dan NGO; tanpa kesedaran masyarakat, inisiatif kerajaan hanya memberi kesan sementara, dan risiko banjir kilat tetap wujud semasa hujan lebat atau air pasang.

Jadual 16. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan pengurusan sampah yang sistematik 2. Pencemaran air, udara, dan bau 3. Sistem perparitan yang tidak sistematik dan banjir
Cadangan	1. Kempen mendidik penduduk untuk mengasingkan sisa organik, sisa kitar semula dan sisa am di rumah.

	2. Penubuhan sudut atau pusat mini kitar semula di kampung untuk mengumpul bahan seperti plastik, aluminium dan kertas. 3. Melatih penduduk menghasilkan baja kompos dari sisa dapur untuk kegunaan kebun komuniti atau tanaman rumah. 4. Memberi latihan kepada belia atau wanita mengenai cara menjana pendapatan melalui bahan buangan seperti kraftangan atau produk mesra alam.
Kumpulan Terjejas	Penduduk kampung, penduduk di rumah atas air
Kawasan	Kg Tanjung Aru Lama , Kg Dumpil , Kg Torong Logong , Kg Meruntum, Kg Serigai, Kg Muhibbah, Kg Lok Bonu, Kg Talang Taun, Kg Ulu Putatan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi untuk Semua	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat
SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Selamat, Tahan Lasak dan Mampan	Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk bencana alam Sasaran 11.6: "Mengurangkan kesan alam sekitar bandar"
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.5: Mengurangkan penjejakan sisa dengan ketara
SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim	Sasaran 13.1: Memperkukuh daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap bencana berkaitan iklim

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekurangan sokongan, penjagaan dan aktiviti sosial warga emas

Putatan, sebuah daerah kecil yang terletak berhampiran bandar Kota Kinabalu di Sabah, kini mengalami pertumbuhan pesat dari segi pembangunan dan jumlah penduduk. Namun, di sebalik kemajuan ini, golongan warga emas di kawasan tersebut masih berdepan dengan kekurangan sokongan, penjagaan dan peluang untuk terlibat dalam aktiviti sosial yang sesuai dengan keperluan mereka. Dengan demografi yang semakin menua dan bilangan warga emas yang meningkat, cabaran ini menjadi semakin ketara, khususnya bagi mereka yang tinggal bersendirian atau tidak mempunyai keluarga

terdekat. Faktor geografi yang merangkumi kawasan pinggir bandar dan kampung juga menyumbang kepada kekangan akses terhadap perkhidmatan penjagaan dan sokongan sosial yang holistik.

- **Kekurangan latihan untuk penjaga yang kompeten**

Kekurangan latihan untuk caregiver yang kompeten merupakan isu utama dalam sektor penjagaan warga emas di Sabah, khususnya di institusi seperti rumah orang tua-tua Kanaan Home. Setakat ini, tiada institusi atau program latihan yang mencukupi dan khusus untuk melatih penjaga (*caregiver*) dengan kemahiran tinggi, terutamanya dalam aspek perubatan, psikologi, dan keperluan khas warga emas di kawasan Putatan. Kekurangan kursus latihan yang berstruktur dan bersijil di negeri ini menghalang lebih ramai individu daripada memperoleh kemahiran asas dan pengetahuan profesional yang diperlukan untuk menyediakan penjagaan berkualiti. Keadaan ini menjejaskan kualiti penjagaan yang diterima oleh warga emas dan memberi cabaran kepada institusi-institusi yang bergantung kepada tenaga kerja terlatih untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan penghuni mereka. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk pembangunan program latihan yang komprehensif dan mudah diakses bagi melahirkan caregiver yang kompeten dan berdedikasi di Sabah.

Wakil Pejabat Kebajikan Daerah Putatan menjelaskan bahawa program dan latihan di Pusat Warga Emas Kanaan Home dijalankan oleh pihak persendirian yang mengurus pusat tersebut. Mana-mana Pusat Jagaan Warga Tua, pengusaha pusat bertanggung jawab sendiri dalam pengambilan pekerja atau pelatih serta dalam menentukan kursus atau latihan yang sesuai untuk mereka di mana-mana pusat jagaan warga emas. Pejabat Kebajikan hanya bertindak memantau pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagi individu atau organisasi yang ingin membuka pusat jagaan warga emas, permohonan boleh dibuat di pejabat kebajikan mengikut daerah masing-masing.

- **Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim**

Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim yang memenuhi keperluan khusus golongan ini merupakan satu isu penting yang perlu diberi perhatian di kawasan Putatan. Kebanyakan pusat penjagaan yang sedia ada kurang menyediakan kemudahan yang sesuai dengan keperluan warga emas Muslim, terutamanya dari segi penyediaan makanan halal, penjagaan yang berlandaskan nilai dan amalan Islam, serta ruang solat yang selesa dan memadai. Keperluan-keperluan ini adalah asas bagi memastikan kesejahteraan fizikal dan rohani warga emas Muslim dapat dijaga dengan baik. Lokasi seperti rumah orang tua-tua Kanaan Home, yang berperanan sebagai pusat jagaan warga emas, menunjukkan

kekurangan kemudahan berkenaan secara khusus, sekaligus menimbulkan cabaran dalam memberikan perkhidmatan yang holistik dan berintegriti mengikut tuntutan agama. Oleh itu, penambahbaikan dan penubuhan pusat penjagaan warga emas Muslim yang komprehensif adalah sangat diperlukan untuk memenuhi keperluan komuniti ini secara menyeluruh.

Pejabat Kebajikan Daerah Putatan menjelaskan bahawa di daerah Putatan terdapat satu pusat jagaan warga emas, iaitu Kanaan Home, yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pusat ini diuruskan oleh pihak persendirian tetapi tetap mematuhi keperluan pendaftaran JKM. Bagi isu kekurangan pusat jagaan warga emas Muslim, setakat ini tiada pusat khusus yang beroperasi di daerah ini. Walaubagaimanapun, mana-mana NGO atau pihak swasta mempunyai peluang untuk membuka pusat jagaan bagi warga emas Muslim, dengan syarat mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan di bawah peraturan pusat jagaan yang berkuat kuasa.

- **Cabaran dalam mendapatkan kakitangan tetap**

Rumah penjagaan warga emas menghadapi cabaran yang signifikan dalam mendapatkan kakitangan tetap yang berkualiti dan berdedikasi. Tugas penjagaan warga emas yang berat dan memerlukan komitmen tinggi seringkali menjadi punca utama kekurangan tenaga kerja tetap. Selain itu, gaji yang ditawarkan kepada kakitangan penjagaan masih rendah berbanding dengan beban tanggungjawab yang perlu dipikul, menyebabkan sukar untuk menarik dan mengekalkan pekerja yang berkecuali. Lebih memburukkan keadaan, kebanyakan tenaga kerja yang tersedia kurang mendapat latihan khusus dalam aspek penjagaan perubatan, terapi fizikal, serta sokongan emosi yang amat penting bagi warga emas yang memerlukan bantuan khusus. Keadaan ini menjejaskan kualiti penjagaan yang diberikan dan menimbulkan risiko kepada kesejahteraan fizikal dan mental warga emas di institusi tersebut.

Pejabat Kebajikan Daerah Putatan mengambil maklum berhubung cabaran yang dihadapi oleh pengusaha pusat jagaan warga emas dalam mendapatkan kakitangan tetap. Menurut pihak pejabat, usaha untuk menarik minat individu bekerja secara tetap di pusat jagaan sememangnya mencabar. Walau bagaimanapun, pusat jagaan seperti Kanaan Home masih menerima bantuan daripada sukarelawan serta pelatih, termasuk jururawat dan individu yang melibatkan diri secara sukarela dalam aktiviti penjagaan warga emas. Sokongan sukarelawan ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan beban pengurusan, meskipun isu kekurangan tenaga kerja tetap masih wujud.

- **Pusat jagaan yang tidak menampung keperluan**

Bilangan warga emas di kawasan Putatan yang memerlukan penjagaan dan sokongan semakin meningkat seiring dengan pertambahan usia penduduk. Namun, pusat jagaan warga emas yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan jumlah yang semakin bertambah ini. Kekurangan fasiliti dan kapasiti dalam pusat jagaan menyebabkan sebahagian warga emas terpaksa menghadapi keadaan tanpa penjagaan yang sewajarnya, sekaligus menjejaskan kualiti hidup mereka. Selain itu, pusat jagaan yang terhad juga menghadapi cabaran dalam menyediakan perkhidmatan yang holistik dan bersepadu, termasuk aspek penjagaan kesihatan, aktiviti sosial, serta sokongan psikososial. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk memperluaskan dan meningkatkan kemudahan pusat jagaan agar dapat memenuhi permintaan dan memberikan penjagaan yang lebih baik kepada warga emas di Putatan.

Jadual 17. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan latihan untuk penjaga yang kompeten 2. Ketiadaan pusat penjagaan warga emas Muslim 3. Cabaran dalam mendapatkan staf tetap 4. Pusat jagaan yang tidak menampung
Cadangan	1. Mengadakan bengkel atau kursus pendek untuk komuniti tempatan terutama ahli keluarga dan sukarelawan yang berminat agar mereka memperoleh kemahiran asas penjagaan warga emas yang kompeten. 2. Menubuhkan kumpulan komuniti yang memberi sokongan emosi dan sosial secara berkala bagi warga emas Muslim, termasuk aktiviti kerohanian dan sosial. 3. Persatuan boleh menganjurkan program latihan dan pensijilan untuk penjaga warga emas khususnya yang memahami keperluan budaya dan agama Muslim. 4. Melaksanakan kajian kebolehlaksanaan dan pilot projek pusat jagaan yang mengutamakan keperluan warga emas Muslim, termasuk aspek pemakanan dan aktiviti mengikut agama.
Kumpulan Sasaran	Warga emas

Kawasan	Rumah orang tua-tua, Kanaan Home
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan	Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Meningkatkan bilangan orang yang mempunyai kemahiran yang relevan demi kejayaan kewangan
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik sejagat
SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari	Sasaran 11.7: Sediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif

4.2.4 Pengutamaan Isu 4: Kekurangan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan pertumbuhan setinggan

Daerah Putatan yang terletak di pantai barat negeri Sabah merupakan sebuah kawasan pinggir bandar yang sedang pesat membangun, dengan kepadatan penduduk yang semakin meningkat saban tahun. Bersempadan dengan Kota Kinabalu, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan infrastruktur di Putatan telah menarik penghijrahan masuk dari pelbagai kawasan luar bandar, termasuk dari pedalaman Sabah dan negeri-negeri lain. Namun begitu, peningkatan populasi ini tidak seiring dengan penyediaan perumahan awam yang mencukupi, khususnya Program Perumahan Rakyat (PPR). Kekurangan unit PPR telah menyebabkan berlakunya pertumbuhan kawasan setinggan yang tidak terkawal di beberapa lokasi strategik, termasuk di tepi sungai, kawasan rizab kerajaan, dan tanah persendirian. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan cabaran dari segi pengurusan perbandaran dan keselamatan, tetapi turut memberi implikasi besar terhadap kesejahteraan sosial penduduk serta kelestarian alam sekitar di Putatan. Maka, isu kekurangan PPR dan pertumbuhan penempatan setinggan di daerah ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib dan semua pemegang taruh.

- **Faktor Kekurangan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)**

Masalah kekurangan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di daerah Putatan merupakan isu yang semakin mendesak, terutamanya dengan pertumbuhan pesat penduduk serta peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini ialah kekangan dalam mendapatkan tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah PPR. Kebanyakan kawasan di Putatan telah dibangunkan untuk tujuan komersial, perumahan swasta, atau mempunyai status tanah yang tidak sesuai, seperti tanah rizab atau

kawasan berisiko banjir. Selain itu, beberapa cadangan projek perumahan mampu milik yang telah dirancang menghadapi kelewatan pelaksanaan akibat isu perancangan, kekangan peruntukan kewangan, atau birokrasi melibatkan kelulusan pelbagai agensi berkaitan.

Situasi ini menyebabkan jumlah unit rumah PPR yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi daripada golongan B40. Akibatnya, ramai penduduk terpaksa memilih untuk menyewa atau membina rumah di kawasan setinggan, seperti di Kg Sembulan Lama, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Muhibbah, Kg Dumpil dan Kg Serigai, yang terletak di kawasan pinggir bandar. Penempatan setinggan ini bukan sahaja mendedahkan penduduk kepada risiko kebakaran, banjir dan masalah kesihatan awam, tetapi juga menimbulkan cabaran dalam aspek pengurusan bandar serta hak milik tanah.

Di Putatan, hanya dua projek PPR utama telah dilaksanakan, iaitu PPR Taman Sri Serigai dan PPR Taman Sri Keramat¹⁰. Walaupun projek-projek ini sedikit sebanyak membantu menyediakan perumahan kepada golongan sasaran, jumlah unit yang ditawarkan masih terlalu terhad berbanding jumlah permohonan yang diterima setiap tahun. Tambahan pula, lokasi PPR yang tersedia juga tidak mencukupi untuk menampung keperluan masyarakat dari kawasan setinggan sedia ada yang memerlukan penempatan semula. Justeru, perancangan jangka panjang yang melibatkan kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan pihak berkuasa tempatan amat diperlukan bagi mempercepat pembinaan PPR baharu serta memperluas akses kepada perumahan yang selamat, selesa dan mampu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat.

Keperluan penambahan rumah PPRT di kawasan Putatan ini amat diperlukan oleh penduduk kampung di mana mereka menyuarakan kesukaran generasi muda untuk mendapatkan tanah atau penempatan sendiri. Masalah berlaku kerana walaupun sesetengah individu mempunyai kemampuan untuk membina rumah, mereka tidak mempunyai tanah yang sesuai untuk tujuan tersebut. Selain itu, penempatan baru yang sepatutnya disediakan untuk generasi muda sering tidak tersedia atau tidak sesuai, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kesan daripada situasi ini termasuk generasi muda terpaksa tinggal bersama ibu bapa, kekangan untuk berdikari, dan had terhadap peluang untuk membina kehidupan sendiri serta meningkatkan kualiti hidup.

¹⁰ Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). *Senarai Projek PPR*. Diakses 31 Mei 2025. <https://teduh.kpkt.gov.my/project-ppr?download=1>.

- **Peningkatan rumah setinggan dan impak terhadap persekitaran**

Daerah Putatan di Sabah kini berhadapan dengan pertumbuhan pesat penempatan setinggan, terutamanya di kawasan pinggir bandar seperti Kampung Sembulan Lama, Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Muhibbah, Kampung Dumpil dan Kampung Serigai. Fenomena ini didorong oleh beberapa faktor utama, termasuk penghijrahan penduduk dari daerah pedalaman dan luar bandar ke Putatan yang strategik dan berhampiran dengan pusat ekonomi seperti Kota Kinabalu. Kedudukan geografi yang menarik ini menjadikan Putatan sebagai destinasi utama bagi mereka yang mencari peluang pekerjaan dan akses kepada kemudahan bandar.

Selain itu, peningkatan kemasukan pendatang tanpa izin (PTI) turut menyumbang kepada pertumbuhan penempatan setinggan di kawasan ini. Ketiadaan dokumen sah dan status kewarganegaraan menyebabkan golongan ini sukar untuk mendapatkan perumahan formal, lantas mendorong mereka membina kediaman sementara atau kekal secara tidak sah. Penempatan yang dibina tanpa pelan ini sering kali tidak mempunyai akses kepada kemudahan asas seperti air bersih dan elektrik, menyebabkan berlakunya kecurian utiliti yang membebankan pihak berkuasa tempatan serta menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk setempat.

Pihak berkuasa tempatan seperti Jabatan Imigresen Kota Kinabalu dan Pejabat Daerah Putatan mengambil serius isu kehadiran pendatang asing tanpa izin (PATI) di kawasan Putatan. Berdasarkan pemantauan pihak Imigresen Kota Kinabalu, kewujudan PATI berpunca daripada projek-projek perumahan yang menjadi faktor penarik migrasi. Kehadiran mereka bukan sahaja tertumpu di kawasan setinggan, malah turut melibatkan aktiviti penyewaan rumah dan tanah milik penduduk tempatan. Masyarakat boleh menyalurkan aduan terus ke pejabat imigresen atau melalui emel untuk membolehkan tindakan pemantauan, risikan, dan operasi dilaksanakan, termasuk melalui kerjasama dengan PDRM dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi operasi berskala besar.

Pihak PBT turut mengambil langkah penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis pengosongan, manakala Pejabat Daerah Putatan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan perobohan setinggan di kawasan rizab sungai, seperti di Serigai dan Dumpil. Sebagai contoh, di Kampung Sembulan, pihak berkuasa tempatan telah melaksanakan tindakan perobohan rumah setinggan

bagi menangani isu ini¹¹. Menurut laporan, beberapa buah rumah setinggan di kawasan tersebut telah dirobohkan oleh pihak berkuasa pada awal Januari 2025. Langkah ini diambil sebagai usaha untuk mengawal pertumbuhan penempatan haram dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan penduduk¹². Walau bagaimanapun, cabaran timbul apabila PATI yang diusir berpindah ke tanah milik persendirian penduduk tempatan. Hal ini menyukarkan tindakan penguatkuasaan kerana melibatkan isu pengesanan pemilik tanah yang menyewakan kepada mereka. Meskipun jumlah penempatan setinggan telah berkurangan daripada kira-kira 70 kawasan hasil operasi bersepadu dan tindakan perobohan sebelum ini, masalah penempatan PATI masih berterusan dan memerlukan pendekatan bersepadu yang lebih tegas.

Di Kampung Dumpil pula, kejadian kebakaran yang memusnahkan tiga buah rumah setinggan pada Jun 2020 menunjukkan betapa rapuhnya struktur penempatan ini terhadap bencana¹³. Kejadian tersebut bukan sahaja menyebabkan kerugian harta benda, malah mengancam nyawa penduduk yang tinggal di kawasan tersebut¹⁴. Situasi ini menekankan keperluan mendesak untuk perancangan perumahan yang lebih holistik dan inklusif di Putatan. Kerjasama antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan masyarakat amat penting dalam merangka penyelesaian jangka panjang, termasuk penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap pembinaan penempatan haram.

Pegawai Daerah Putatan juga turut menyuarakan masalah kritikal yang dihadapi semasa kejadian kebakaran di kampung-kampung, di mana pihak bomba sering tidak dapat memasuki kawasan terjejas akibat laluan jalan yang sempit dan dipenuhi kenderaan yang diletakkan di tepi jalan. Dalam beberapa kes, anggota bomba terpaksa menggunakan paip yang panjang dengan sambungan berulang untuk mencapai lokasi kebakaran. Jika terdapat sungai berhampiran, ia sedikit membantu dalam mendapatkan sumber air. Masalah ini menjadi lebih serius apabila kebakaran berlaku pada waktu malam kerana keadaan jalan yang sesak dan akses masuk semakin sukar.

¹¹ Nabalunews. "Rumah Setinggan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." *Nabalunews*, 11 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.nabalunews.com/post/rumah-setinggan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor/>.

¹² Agust Dean. "Rumah Setinggan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." *Daily Express*, 9 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.dailyexpress.com.my/news/243462/rumah-setinggan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor/>.

¹³ "Tiga Rumah Setinggan Terbakar di Kg Dumpil." *Utusan Borneo*, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/23/tiga-rumah-setinggan-terbakar-di-kg-dumpil>.

¹⁴ "Tiga Rumah Setinggan Musnah Terbakar." *Berita Harian*, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/703257/tiga-rumah-setinggan-musnah-terbakar>.

Jadual 18 Ringkasan Isu 4

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) 2. Peningkatan rumah setinggan dan impak terhadap persekitaran
Cadangan	1. Menyediakan tanah yang sesuai dan strategik khusus untuk pembangunan rumah PPR melalui kerjasama antara kerajaan negeri, persekutuan dan pihak berkuasa tempatan. 2. Melaksanakan program penempatan semula secara terancang bagi penduduk setinggan ke dalam projek perumahan rasmi yang selamat dan teratur. 3. Memperketat penguatkuasaan undang-undang bagi membendung pembinaan rumah setinggan tanpa kebenaran dan aktiviti kecurian utiliti. 4. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perumahan yang sah dan risiko penempatan haram melalui kempen dan pendidikan komuniti. 5. Membangunkan mekanisme sokongan sosial dan ekonomi untuk golongan B40 supaya dapat meningkatkan kemampuan mereka memiliki rumah sendiri.
Kumpulan Sasaran	Golongan B40, penduduk setinggan, masyarakat setempat, pendatang tanpa izin (PTI), pihak berkuasa tempatan dan kerajaan
Kawasan	Kg Sembulan Lama, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Muhibbah, Kg Dumpil, Kg Serigai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi
SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari	Sasaran 11.1: Perumahan yang selamat dan mampu milik

	Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat	Sasaran 16.6: Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus

4.2.5 Pengutamaan Isu 5: Keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam

Isu keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam di kawasan Parlimen Putatan merupakan satu cabaran utama yang memberi impak langsung kepada kualiti hidup penduduk setempat. Kekurangan kemudahan seperti jalan raya yang baik, sistem bekalan air bersih, rangkaian elektrik yang stabil, serta kemudahan kesihatan dan pendidikan yang mencukupi, telah menyukarkan penduduk untuk menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Selain itu, infrastruktur yang tidak memadai turut menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut, sekaligus membataskan peluang peningkatan taraf hidup komuniti. Oleh itu, usaha bersepadu daripada pihak kerajaan, agensi berkaitan, dan masyarakat adalah penting bagi memastikan pembangunan infrastruktur asas dan kemudahan awam dapat dipertingkatkan demi kesejahteraan penduduk Parlimen Putatan.

- **Akses terhadap kepada perkhidmatan kesihatan**

Akses terhadap kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan Parlimen Putatan khususnya di Pulau Gaya menjadi satu masalah serius yang menjejaskan kesejahteraan masyarakat setempat. Penduduk di Pulau Gaya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rawatan perubatan kerana tiada klinik kesihatan tetap atau klinik bergerak di pulau tersebut¹⁵. Akibatnya, mereka terpaksa menempuh jarak yang jauh ke klinik kesihatan terdekat iaitu di Klinik Kesihatan Putatan, yang bukan sahaja membebankan dari segi masa dan kos, tetapi juga menyukarkan mereka mendapatkan rawatan segera apabila diperlukan. Isu kekurangan kemudahan kesihatan di Pulau Gaya ini juga telah lama mendapat perhatian¹⁶, namun penyelesaiannya masih belum mencukupi, menyebabkan penduduk di sana terus berdepan dengan cabaran ini.

Tambahan pula, Klinik Kesihatan Putatan yang terletak di daratan pula mengalami kepadatan pesakit dan saiz premis yang kecil¹⁷, menyebabkan perkhidmatan yang diberikan tidak dapat menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat. Berdasarkan lawatan YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan, ke Klinik Kesihatan

¹⁵ "Pulau Gaya Perlu Klinik Kesihatan Sendiri." *Harian Metro*, 4 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/438128/pulau-gaya-perlu-klinik-kesihatan-sendiri>.

¹⁶ CodeBlue. "MP Wants Government Clinic At Pulau Gaya." *CodeBlue*, 27 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. <https://codeblue.galencentre.org/2019/03/mp-wants-government-clinic-at-pulau-gaya/>.

¹⁷ Jeffrey Nor. "Naiktaraf Segera Klinik Kesihatan Putatan kepada Hospital Awam." *Sabah News Today*, 1 Jun 2023. Diakses 31 Mei 2025. <https://sabahnewstoday.net/naiktaraf-segera-klinik-kesihatan-putatan-kepada-hospital-awam-jeffrey-nor/>.

Putatan pada tahun 2023, didapati bahawa seramai 1,023 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik tersebut¹⁸. Sehingga tahun 2025, dijangkakan bilangan pesakit yang berkunjung ke Klinik Kesihatan Putatan akan terus meningkat dengan ketara.

Selain daripada Klinik Kesihatan Putatan juga terdapat Klinik Desa Petagas yang terletak di kawasan Petagas dan umumnya memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan sekitar Petagas, termasuk kawasan perumahan berhampiran seperti Petagas, Kampung Meruntum, dan kawasan sekitarnya yang lebih dekat dengan lokasi klinik ini. Manakala Klinik Kesihatan Putatan pula terletak di pusat bandar Putatan dan berperanan sebagai pusat kesihatan utama bagi kawasan Parlimen Putatan. Klinik ini meliputi kawasan yang lebih luas termasuk pusat bandar Putatan, kawasan perumahan sekitar seperti Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Sembulan Lama, serta kawasan-kawasan lain yang tidak diliputi oleh Klinik Desa. Namun, kerana lokasi pusat bandar dan sifatnya sebagai klinik utama, klinik ini juga menjadi rujukan bagi pesakit dari kawasan yang lebih jauh termasuk penduduk Pulau Gaya yang terpaksa menempuh perjalanan ke daratan untuk mendapatkan rawatan. Keadaan ini memberi kesan negatif terutamanya kepada golongan warga emas, ibu mengandung, dan mereka yang mempunyai penyakit kronik yang memerlukan rawatan berterusan.

Pejabat Kesihatan Daerah Putatan memaklumkan bahawa isu kesihatan di daerah Putatan kini berdepan cabaran besar dalam menampung keperluan penduduk yang melebihi 80,000 orang, dengan jumlah ini dijangka terus meningkat seiring pembangunan baharu seperti Meruntum Resort City dan Dumpil Project. Klinik Kesihatan Putatan sedia ada dilaporkan beroperasi dalam keadaan sangat padat, manakala Klinik Desa Petagas tidak dapat diperluaskan kerana kedudukannya berhampiran kawasan kampung.

Keadaan ini menimbulkan risiko kesihatan yang serius, khususnya sekiranya berlaku penularan penyakit berjangkit yang boleh merebak dengan cepat akibat kepadatan penduduk. Sehubungan itu, Pejabat Kesihatan Putatan telah mengambil langkah awal dengan membawa isu ini ke perhatian Pegawai Daerah (DO), wakil rakyat (YB), serta pemaju projek untuk mencadangkan penubuhan tiga buah klinik kesihatan tambahan dan sebuah hospital baharu. Perbincangan dengan pihak pemaju juga telah dijalankan bagi mendapatkan penyediaan tanah untuk pembinaan hospital tersebut.

¹⁸ "Lawatan YB Menteri Kesihatan Ke Klinik Kesihatan Putatan, Putatan, Sabah." *Kementerian Kesihatan Malaysia*, 8 April 2023. Diakses 31 Mei 2025. <https://moh.gov.my/index.php/pages/view/6778>.

Selain infrastruktur, masalah kekurangan tenaga kerja kesihatan turut dikenal pasti sebagai cabaran utama. Peningkatan populasi dan kepelbagaian penyakit memerlukan penambahan staf serta kemudahan teknologi perubatan yang lebih moden bagi memastikan pesakit menerima rawatan yang berkualiti.

- **Gangguan bekalan air dan elektrik**

Isu gangguan bekalan air dan elektrik yang kerap tanpa notis di kawasan Parlimen Putatan telah menjejaskan kehidupan harian masyarakat setempat secara serius. Bekalan air yang tidak stabil memaksa penduduk bergantung kepada sumber alternatif seperti air hujan, air perigi, dan air mineral untuk keperluan harian. Sebagai contoh, penduduk di Kampung Torong Logong terpaksa menggali perigi sendiri berikutan gangguan berulang pada bekalan air kerajaan. Situasi ini bukan sahaja berlaku di kawasan terpencil, malah turut melibatkan kawasan pinggir bandar seperti Kampung Tanjung Aru Lama, Kampung Sembulan Lama, Kampung Serigai, Kampung Muhibbah, Kampung Lok Bonu, Kampung Ulu Putatan, dan Kampung Talang Taun. Lebih membebankan, ada kalanya bekalan air hanya disalurkan pada waktu malam, memaksa penduduk berjaga sehingga lewat malam semata-mata untuk mengumpul air bagi kegunaan harian.

Dalam masa yang sama, gangguan bekalan elektrik turut berlaku secara berulang tanpa sebarang makluman awal, menyebabkan kerosakan kepada peralatan elektrik serta meningkatkan risiko berlakunya litar pintas. Gangguan ini memberi kesan besar kepada keselamatan dan ekonomi isi rumah, terutamanya bagi mereka yang menjalankan perniagaan kecil dari rumah. Selain itu, wujud juga isu penyambungan bekalan air¹⁹ dan elektrik secara haram, khususnya di kawasan rumah setinggan yang dihuni oleh penduduk bukan tempatan. Ahli Parlimen Putatan, YB Datuk Ir Shahelmey Yahya juga turut menyatakan berlakunya penyambungan air yang menyebabkan gangguan bekalan air yang turut berlaku di daerah-daerah lain²⁰.

Lebih membimbangkan, terdapat kes di mana penduduk tempatan sendiri memberikan kebenaran kepada pendatang untuk membuat sambungan tidak sah ini, sekali gus menimbulkan risiko keselamatan dan menambah beban kepada sistem bekalan sedia ada. Situasi ini mencerminkan keperluan mendesak untuk

¹⁹ Asyikin Asmin. "Sambungan Haram Antara Unsur Sabotaj Bekalan Air di Sabah." *Sinar Harian*, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.sinarharian.com.my/article/711577/edisi/sabah-sarawak/sambungan-haram-antara-unsur-sabotaj-bekalan-air-di-sabah>.

²⁰ Florieta Diet. "Wujud Unsur Sabotaj dalam Pengurusan Air di Sabah – Shahelmey." *Sabah Media*, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. <https://sabahmedia.com/2025/02/08/wujud-unsur-sabotaj-dalam-pengurusan-air-di-sabah-shahelmey/>.

penyelesaian menyeluruh dan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas daripada pihak berwajib bagi menjamin hak dan keselamatan penduduk tempatan.

Jabatan Air Negeri Sabah memaklumkan bahawa kawasan Kota Kinabalu termasuk Putatan sedang berdepan masalah kekurangan bekalan air akibat pertambahan pembangunan dan penduduk, manakala loji sedia ada masih belum ditambah kapasiti. Bagi mengatasinya, pada bulan Jun dijangka berlaku penambahan 5 ML bekalan air daripada Loji Kasigui USS yang akan disalurkan ke Putatan, diikuti tambahan 10 MT daripada Loji Kokopon pada bulan Ogos, yang sebahagiannya juga akan menampung keperluan Putatan. Langkah ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah air di daerah tersebut. Walau bagaimanapun, isu sambungan haram masih berlaku khususnya di kawasan perkampungan tidak sah seperti di Sembulan Lama, yang sering menjejaskan kestabilan bekalan. Tindakan pemantauan dan pemotongan sambungan haram dijalankan dari semasa ke semasa bagi meminimumkan kesan. Selain itu, pihak jabatan juga memastikan sebarang kerja penyelenggaraan atau gangguan bekalan air akan dimaklumkan kepada penduduk melalui notis lebih awal.

- **Kekurangan kemudahan awam dan fasiliti**

Kekurangan kemudahan awam di kawasan Parlimen Putatan menjadi antara isu utama yang menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat setempat. Salah satu masalah ketara ialah ketiadaan tempat meletak kenderaan yang mencukupi, terutamanya di kawasan tumpuan seperti pusat perniagaan, sekolah, dan klinik. Keadaan ini sering mengakibatkan kenderaan diletakkan secara *double park*, yang bukan sahaja menyekat laluan kenderaan lain tetapi juga boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas serta menyukarkan kerja-kerja kecemasan seperti ambulans dan bomba.

Selain itu, banyak kampung di kawasan ini tidak mempunyai kemudahan asas seperti balai raya, dewan serbaguna, atau gelanggang sukan. Ketidadaan ruang ini menyukarkan penduduk untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan, program pendidikan, dan kegiatan sukan yang boleh mengeratkan hubungan sosial serta meningkatkan kualiti hidup. Kekurangan infrastruktur sedemikian turut membantutkan pembangunan sosial dan komuniti setempat.

Di samping itu, terdapat juga keperluan mendesak untuk membina jejantas pejalan kaki di kawasan berisiko tinggi kemalangan, khususnya di jalan-jalan utama yang sibuk dan berhampiran sekolah atau kawasan kediaman. Ketidadaan jejantas bukan sahaja mendedahkan pejalan kaki, terutamanya kanak-kanak dan

warga emas, kepada risiko kemalangan, tetapi juga mencerminkan jurang dalam perancangan kemudahan awam yang selamat dan inklusif. Justeru, penambahbaikan terhadap penyediaan kemudahan awam adalah amat penting bagi menjamin keselamatan, keselesaan dan pembangunan menyeluruh komuniti di Putatan.

Pegawai Daerah Putatan juga turut menyuarakan permasalahan ini dimana menurut beliau Putatan kini menjadi kawasan tumpuan penempatan penduduk dari pelbagai daerah sehingga wujud komuniti yang menetap secara turun-temurun, dengan ramai bekerja di Kota Kinabalu tetapi tinggal di Putatan. Pertambahan penduduk ini menyebabkan keperluan kepada agensi dan fasiliti daerah semakin mendesak, termasuklah penubuhan hospital, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), serta Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Ketiadaan agensi ini menyukarkan urusan penduduk kerana bergantung kepada daerah lain. Masalah menjadi lebih ketara apabila fasiliti sedia ada, seperti Klinik Desa Petagas, tidak lagi sesuai digunakan kerana keadaannya yang sempit dan tidak mampu menampung jumlah pesakit, termasuk isu asas seperti ruang tempat meletak kenderaan yang terhad. Pegawai Daerah Putatan menekankan bahawa jika ketiga-tiga agensi penting ini dapat ditubuhkan, ia akan memudahkan urusan penduduk, mengurangkan kebergantungan pada daerah lain, dan memberi penyelesaian lebih mampan terhadap masalah kesihatan, keselamatan, dan pendidikan yang semakin mendesak.

Jadual 19. Ringkasan Isu 5

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan 2. Gangguan bekalan air dan elektrik 3. Kekurangan kemudahan awam
Cadangan	1. Menyediakan perkhidmatan klinik bergerak secara berkala ke kawasan seperti Pulau Gaya dan kawasan luar bandar lain untuk memastikan akses rawatan asas dapat disediakan sementara menunggu pembinaan fasiliti tetap. 2. Mendirikan klinik kesihatan kekal di kawasan berisiko seperti Pulau Gaya dan membesarkan Klinik Kesihatan Putatan bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat. 3. Pihak berkuasa perlu mengeluarkan notis awal berkaitan sebarang gangguan bekalan air dan

	elektrik serta menyediakan tangki simpanan air sementara di kawasan yang sering terjejas. 4. Melaksanakan perancangan jangka panjang yang menyeluruh untuk membangunkan kawasan Putatan dengan penyediaan infrastruktur asas yang lengkap dan mampan, termasuk sistem parkir bertingkat di kawasan padat.
Kumpulan Sasaran	Masyarakat setempat, penduduk di kawasan pulau
Kawasan	Kg Torong Logong, kg Serigai, Kg Dumpil, Kg Meruntum, Kg Muhibbah, Kg Sembulan Lama, Kg Lok Bonu, Kg Talang Taun, Kg Ulu Putatan, Kg Tanjung Aru Lama, Kg Dumpil
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 3: Kehidupan Sihat dan Sejahtera	Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.1: Air minuman yang selamat dan berpatutan Sasaran 6.4: Meningkatkan kecekapan penggunaan air dan menjamin bekalan air tawar
SDG 7: Tenaga Mampu Milik dan Boleh Diperbaharui	Sasaran 7.1: Akses sejagat terhadap tenaga moden.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.2: Sistem pengangkutan yang berpatutan dan mampan Sasaran 11.7: Sediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 20. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek incubator mikro-usahawan suri rumah dan ibu Tunggal	Kitar semula dan kompos skala kecil	Program Latihan asas "caregiver komuniti" dan kempen kesedaran
SDG Berkaitan	SDG 1, 5, 8, 10	SDG 3, 11, 12, 13	SDG 3, 4, 8, 10
Objektif	- Melatih dan membimbing sekurang-kurangnya 10 orang suri rumah dan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan asas. - Menggalakkan penggunaan kemahiran sedia ada (memasak, menjahit, bertani, kraf) untuk menjana pendapatan sampingan. - Menyediakan sokongan pasaran, pemasaran dan bimbingan berterusan dalam tempoh 3-6 bulan.	- Mewujudkan sistem pemisahan dan pemrosesan sisa isi rumah secara kompos dan kitar semula di peringkat komuniti. - Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dibuang ke sungai, parit atau tempat terbuka. - Menggalakkan penggunaan semula bahan buangan sebagai sumber (seperti baja organik untuk tanaman	- Melatih individu komuniti sebagai caregiver asas dengan pengetahuan penjagaan fizikal, emosi dan keperluan syariah warga emas. - Memperkasa komuniti untuk menyokong keperluan penjagaan di rumah atau pusat jagaan kecil. - Menggalakkan penyediaan perkhidmatan penjagaan beretika, berkualiti dan patuh syariah.
Hasil Jangkaan	- Sekurang-kurangnya 10 peserta mula menjual produk atau perkhidmatan 5-10 produk komuniti diperkenal dan dipasarkan	- Pengurangan 30-50% sisa isi rumah - Kompos komuniti diwujudkan - Peningkatan kesedaran awam	- Peserta dilatih sebagai caregiver komuniti dengan pensijilan asas. 1 kumpulan sokongan caregiver komuniti

	Peningkatan purata pendapatan isi rumah peserta sebanyak 10–30%		ditubuhkan Kesedaran tentang penjagaan patuh syariah meningkat dalam komuniti
Organisasi	Oupus Organic	LJD Corporation	Kanaan Home
Aktiviti	- Melibatkan latihan dalam pengurusan perniagaan, kewangan, pemasaran digital, dan kemahiran sedia ada seperti memasak, menjahit, bertani, dan kraf. - Peserta dibimbing untuk membangunkan 5–10 produk berpotensi dengan penambahbaikan dari segi kualiti, pembungkusan, dan penjenamaan - Termasuk latihan penggunaan media sosial, penyertaan dalam jualan fizikal dan digital, serta penubuhan akaun jualan dalam talian. - Sesi susulan untuk memantau prestasi peserta, memberi sokongan dan laporan	- Mengadakan bengkel dan taklimat mengenai pengasingan sisa, kitar semula dan teknik asas membuat kompos. - Menyediakan tapak dan peralatan untuk proses kompos secara kolektif di peringkat komuniti. - Pelaksanaan sistem pengasingan sisa di rumah dan kutipan berkala untuk kompos dan kitar semula. Menilai pengurangan sisa, penggunaan kompos dan perubahan tahap kesedaran dalam kalangan penduduk.	- Menjalankan ceramah, forum dan edaran bahan maklumat kepada komuniti mengenai kepentingan penjagaan warga emas secara beretika dan patuh syariah. - Memberi latihan merangkumi aspek penjagaan fizikal, emosi dan sosial termasuk pertolongan cemas dan pemantauan kesihatan asas. - Latihan khusus mengenai keperluan syariah dalam penjagaan warga emas seperti pengurusan ibadah, aurat dan adab penjagaan. - Memberi sijil asas kepada peserta yang lulus serta menubuhkan kumpulan sokongan komuniti bagi sokongan berterusan dan

	kemajuan projek.		perkongsian pengetahuan.
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kg Lok Bonu	Kg Torong Logong, Pulau Gaya	Kanaan Home
Tempoh	4 bulan	4 bulan	4 bulan

6.0 RUJUKAN

Awang, S. A. M., et al. "Environmental Impacts of Rubber Plantation Expansion in Tropical Regions: A Case Study in Malaysia." *Malaysian Journal of Environmental Management* 22, no. 1 (2021).

Majlis Daerah Putatan, "Perutusan," accessed December 10, 2024, <https://mdputatan.sabah.gov.my/page.php?page=perutusan&menu=INFO%20MDPTN&sub=Latar%20Belakang%20Mdptn>.

Wikipedia, "Putatan," accessed December 10, 2024, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Putatan>.

Malaysian Parliament, "Profile of Members of Parliament," accessed December 22, 2024, <https://www.parlimen.gov.my/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4212>

Jabatan Perangkaan Malaysia, *My Local Stats Putatan 2023* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023)

Jabatan Perangkaan Malaysia, P.173 Putatan (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), hlm. 3.

Jabatan Perangkaan Malaysia, P.173 Putatan (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022), hlm. 29.

Jabatan Perangkaan Malaysia. Putatan: Statistik Sosioekonomi Negeri Sabah 2020. <https://www.dosm.gov.my>

Parlimen Putatan Hos Program Jualan Keluarga Malaysia Pertama Peringkat Negeri Sabah," *Jesselton Times*, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, <https://jesseltontimes.com/2021/12/04/parlimen-putatan-hos-program-jualan-keluarga-malaysia-pertama-peringkat-negeri-sabah/>

"KPDNHEP Sabah Lancar Program Jualan Keluarga Malaysia di Putatan," *Sabah Media*, 4 Disember 2021, diakses 7 April 2025, <https://sabahmedia.com/2021/12/04/kpdnhep-sabah-lancar-program-jualan-keluarga-malaysia-di-putatan/>

Peruntukan RM553.07 Juta Tingkat Tahap Sara Diri Tahun Ini," *Sabah Media*, 4 Februari 2024, diakses 7 April 2025, <https://sabahmedia.com/2024/02/04/peruntukan-rm553-07-juta-tingkat-tahap-sara-diri-tahun-ini/>

"Ambil Peluang Disediakan Pertubuhan Peladang Negeri Sabah," Utusan Borneo, 8 Julai 2023, diakses 7 April 2025, <https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/08/ambil-peluang-disediakan-pertubuhan-peladang-negeri-sabah>.

"Perikanan Sabah Jana RM643 Juta," Utusan Borneo, 18 Julai 2021, diakses 7 April 2025, <https://www.utusanborneo.com.my/2021/07/18/perikanan-sabah-jana-rm643-juta>.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Senarai Projek PPR. Diakses 31 Mei 2025. <https://teduh.kpkt.gov.my/project-ppr?download=1>.

Nabalu News. "Rumah Setinggalan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." Nabalu News, 11 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.nabalunews.com/post/rumah-setinggalan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor>.

Agust Dean. "Rumah Setinggalan di Sembulan Akan Diroboh: Mayor." Daily Express, 9 Oktober 2024. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.dailyexpress.com.my/news/243462/rumah-setinggalan-di-sembulan-akan-diroboh-mayor/>.

"Tiga Rumah Setinggalan Terbakar di Kg Dumpil." Utusan Borneo, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/23/tiga-rumah-setinggalan-terbakar-di-kg-dumpil>

"Tiga Rumah Setinggalan Musnah Terbakar." Berita Harian, 23 Jun 2020. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/703257/tiga-rumah-setinggalan-musnah-terbakar>.

"Pulau Gaya Perlu Klinik Kesihatan Sendiri." Harian Metro, 4 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/438128/pulau-gaya-perlu-klinik-kesihatan-sendiri>.

CodeBlue. "MP Wants Government Clinic At Pulau Gaya." CodeBlue, 27 Mac 2019. Diakses 31 Mei 2025. <https://codeblue.galencentre.org/2019/03/mp-wants-government-clinic-at-pulau-gaya/>.

Jeffrey Nor. "Naiktaraf Segera Klinik Kesihatan Putatan kepada Hospital Awam." Sabah News Today, 1 Jun 2023. Diakses 31 Mei 2025.

<https://sabahnewstoday.net/naiktaraf-segera-klinik-kesihatan-putatan-kepada-hospital-awam-jeffrey-nor/>.

"Lawatan YB Menteri Kesihatan Ke Klinik Kesihatan Putatan, Putatan, Sabah." Kementerian Kesihatan Malaysia, 8 April 2023. Diakses 31 Mei 2025. <https://moh.gov.my/index.php/pages/view/6778>.

Asyikin Asmin. "Sambungan Haram Antara Unsur Sabotaj Bekalan Air di Sabah." Sinar Harian, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. <https://www.sinarharian.com.my/article/711577/edisi/sabah-sarawak/sambungan-haram-antara-unsur-sabotaj-bekalan-air-di-sabah>.

Florieta Diet. "Wujud Unsur Sabotaj dalam Pengurusan Air di Sabah – Shahelmey." Sabah Media, 8 Februari 2025. Diakses 31 Mei 2025. <https://sabahmedia.com/2025/02/08/wujud-unsur-sabotaj-dalam-pengurusan-air-di-sabah-shahelmey/>.



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>